Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Yusuf ayat 87

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.24 | ISYAK 7.34 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 107 | 6 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأول 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA




IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

# MARTABATKAN MUSHAF, LAMBANG ILMU TIADA TOLAK BANDINGAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan bergambar ramai bersama para graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BERAKAS**, Rabu, 3 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) bertitah bahawa Mushaf UTB menandakan bahawa UTB tidak ketinggalan dalam memartabatkan mushaf sebagai 'lambang ilmu yang tidak ada tolok bandingnya'.

"Alhamdulillah, pada hari ini, buat julung kalinya, Mushaf UTB tulisan tangan telah dijulang dan diarak sebagai mengetuai perarakan Majlis Konvokesyen pada pagi ini," titah baginda semasa Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

>> Muka 5

# Membentuk peribadi Muslim, menjauhi sebarang gejala buruk

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidl**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi tahun ini ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' adalah merupakan satu pengajaran penting dalam memperkasa institusi kekeluargaan dan pendidikan rohani umat Islam.

Keluarga yang dibangun berdasarkan keimanan, ketakwaan dan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan membentuk kepada keluarga yang penuh dengan ketenangan, kasih sayang dan rahmat.

Rasulullah sebagai suami, ayah dan ketua keluarga telah mengajarkan bagaimana mewujudkan ketenangan, kasih sayang dan belas kasihan dalam rumah tangga.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman.

## Berita Utama



JPM adakan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul
Muka 13



PENGANUGERAHAN Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM
Muka 18



NBD - Malaysia memeterai MoU memperkukuh kerjasama bidang tenaga
Muka 20




TEKNOLOGI hijau : Langkah ke arah kelestarian alam sekitar
Muka 27

# MEMBENTUK PERIBADI MUSLIM, MENJAUHI SEBARANG GEJALA BURUK

>> Muka 1

Demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, hari ini.

Seterusnya dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan bahawa peranan Rasulullah adalah bermula selaku pendidik dan pembina keluarga.

Baginda mengajarkan sifat ihsan atau kasih sayang, adil dan bertanggungjawab. Kita semua mempunyai tanggungjawab sebagaimana ia berungkap dalam sebuah hadis Baginda riwayat Al-Bukhari dan Muslim bermaksud : "Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya".

**"BETA yakin, jika usaha untuk membentuk peribadi muslim seperti ini diserapkan dalam sistem pendidikan negara, maka gejala-gejala sosial di negara ini akan dapat dibendung dan terus terkawal. Selain itu, negara juga akan mudah melahirkan generasi muda, yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malahan juga berakhlak mulia".**

"Pada hemat beta, contoh ini yang perlu kita ikut untuk membina dan mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh dari gejala-gejala buruk seperti buli yang sering kita dengar ketika ini.

"Ingin beta tegaskan, perkara seperti ini jangan sampai berlaku di Brunei. Beta tidak mahu adanya di kalangan belia-belia, pelajar-pelajar dan kanak-kanak sekolah di bawah umur di negara ini yang terjerumus, terpengaruh atau terikut-ikut dengan sebarang gejala buruk dan salah laku. Ini bukan budaya Brunei, budaya kita bersumber dari ajaran Rasulullah yang lurus lagi sempurna," titah baginda.

Oleh itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan dan semua institusi-institusi pengajian awam dan swasta, supaya memperketatkan pemantauan serta meningkatkan pendidikan akhlak kepada para pelajar sejak dari peringkat rendah lagi hingga ke peringkat tinggi.

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

"Alhamdulillah, beta mengambil maklum bahawa KHEU dengan usaha sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis AIDS Brunei Darussalam telah sama-sama berganding bahu untuk menganjurkan satu Program Perkhemahan Remaja Active and Admirable, Charismatic and Excellent (ACE) yang dinamakan 'Husnul Khuluqi' iaitu satu program remaja di negara ini menjadi Muslim sejati melalui aktiviti yang berorientasikan Tarbiyyah Islamiah.

"Beta yakin, jika usaha untuk membentuk peribadi Muslim seperti ini diserapkan dalam sistem pendidikan negara, maka gejala-gejala sosial di negara ini akan dapat dibendung dan terus terkawal. Selain itu, negara juga akan mudah melahirkan generasi muda, yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malahan juga berakhlak mulia," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah juga menyeru semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) merenung kasih sayang Rasulullah yang tulus, kesabaran yang dimilikinya dan keadilan yang diperjuangkannya untuk sama-sama dicontohi dengan mendalam dan dipraktikkan dengan bersungguh-sungguh.

Terdahulu, dalam titah, baginda merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita meraikan lagi peristiwa agung kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah.

"Untuk akhirnya, beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan keberkatan dan perlindungan kepada NBD yang kita cintai ini. Semoga kita semua dapat meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap aspek kehidupan untuk mencapai kebahagiaan dan keberkatan dunia akhirat," titah baginda mengakhiri Titah Perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H / 2025M.

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | SABTU | 13 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.35 | 12.20 | 3.23 | 6.24 | 7.34 |
| 7 | AHAD | 14 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.21 | 6.24 | 7.33 |
| 8 | ISNIN | 15 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.20 | 6.23 | 7.33 |
| 9 | SELASA | 16 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.19 | 3.19 | 6.23 | 7.32 |
| 10 | RABU | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.32 |
| 11 | KHAMIS | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.31 |
| 12 | JUMAAT | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.19 | 6.21 | 7.31 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 30 24 °C | 30 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 30 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 6 SEPTEMBER 2025

## Menghargai usaha kerajaan dalam memajukan anak bangsa

**PENDIDIKAN** merupakan asas utama dalam pembentukan bangsa yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Di Negara Brunei Darussalam, kerajaan sentiasa menekankan kepentingan pendidikan sebagai tonggak pembangunan negara. Usaha-usaha yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan generasi berilmu pengetahuan, bahkan juga untuk memastikan rakyat memiliki jati diri yang kukuh serta mampu menyumbang kepada kemajuan negara. Oleh itu, menghargai usaha kerajaan dalam memajukan anak bangsa dari segi pendidikan adalah satu tanggungjawab bersama.

Salah satu usaha utama kerajaan ialah menyediakan pendidikan percuma di semua peringkat sekolah kerajaan. Sejak kecil, rakyat Brunei sudah menikmati kemudahan pembelajaran tanpa perlu menanggung kos yuran persekolahan. Kemudahan ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memastikan setiap anak bangsa, tanpa mengira latar belakang keluarga, mempunyai peluang yang sama untuk menimba ilmu. Dengan itu, tidak ada alasan bagi rakyat untuk tidak bersekolah, sekali gus meningkatkan kadar celik huruf dan taraf pendidikan negara.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan pelbagai biasiswa dan skim bantuan kewangan, sama ada untuk pelajar cemerlang mahupun mereka yang kurang berkemampuan. Biasiswa yang ditawarkan dalam dan luar negara membolehkan pelajar Brunei mendapat pendedahan antarabangsa serta pengalaman belajar di institusi ternama. Peluang sebegini membuka ruang luas untuk anak bangsa meningkatkan ilmu pengetahuan, memperkaya pengalaman serta kembali menyumbang kepakaran kepada negara.

Kerajaan turut menitikberatkan pembangunan prasarana pendidikan yang moden dan kondusif. Sekolah-sekolah kerajaan dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat, makmal sains, perpustakaan dan pusat sumber. Usaha transformasi pendidikan juga dapat dilihat melalui program digitalisasi pembelajaran, yang mendorong pelajar menguasai kemahiran Abad Ke-21. Hal ini penting bagi melahirkan generasi yang celik teknologi, kreatif dan mampu bersaing di peringkat global.

Dari segi kurikulum, kerajaan telah merangka dasar pendidikan yang menitikberatkan keseimbangan antara ilmu akademik dan pembangunan sahsiah. Penekanan terhadap nilai agama, moral serta budi pekerti dalam sistem pendidikan memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran, tetapi juga berakhlak mulia dan berjiwa patriotik. Menghargai usaha kerajaan dalam bidang ini boleh dilakukan dengan cara belajar bersungguh-sungguh, menggunakan peluang pendidikan sebaik mungkin, serta kembali menyumbang kepada masyarakat dan negara setelah berjaya. Rakyat yang berdisiplin, berilmu dan berbakti adalah cerminan keberhasilan dasar kerajaan. Dari Anas bin Malik ia berkata : "*Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap Muslim.*" - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 5 PENUNTUT TERIMA BIASISWA SULTAN'S SCHOLAR





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Seramai lima penuntut berjaya menerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2025 / 2026.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyempurnakan Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB di Istana Nurul Iman, hari ini.









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah biasiswa kepada para penerima iaitu Awangku Muhammad Eljaz Mateen bin Pengiran Muhammad Khairul Nizam, Awang Ahmad Danish Hakimi bin Shufiady dan Awang Muhammad Saedon bin Haji Sahralidin (atas kiri, atas dan kiri).**

Berangkat sama ialah paduka - paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Para penerima biasiswa terdiri daripada Awangku Muhammad Eljaz Mateen bin Pengiran Muhammad Khairul Nizam yang merupakan lepasan penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan melalui Biasiswa Sultan's Scholar beliau akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Fizik (MSci in Physics) di University of College London, United Kingdom.

Sementara itu, Awang Ahmad Danish Hakimi bin Shufiady adalah lepasan penuntut Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) dan melalui Biasiswa Sultan's Scholar, beliau akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Sains - Matematik dan Statistik (Bachelor of Science - Major in Mathematics and Statistics) di University of Melbourne, Australia.

**>> Muka 4**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah biasiswa kepada para penerima iaitu Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh dan Dayang Dayana binti Adi Rani Soffian (kiri dan bawah kiri). Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.**

**>> Muka 3**

Manakala, Awang Muhammad Saedon bin Haji Sahralidin yang merupakan lepasan penuntut Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Perubatan, Pembedahan dan Obstetrik (Bachelor in Medicine, Bachelor in Surgery and Bachelor in Obstetrics) di Trinity College Dublin, The University of Dublin, Republic of Ireland, melalui biasiswa berkenaan.

Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh pula, lepasan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir melalui biasiswa tersebut.

Seterusnya, Dayang Dayana binti Adi Rani Soffian yang merupakan lepasan penuntut Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah akan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam jurusan Syariah Islamiyyah di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir, juga melalui Biasiswa Sultan's Scholar.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan beramah mesra dengan penerima-penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

Turut hadir di majlis ini ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan yang berkenaan dan pegawai-pegawai YSHHB; sebahagian Alumni Sultan's Scholar YSHHB dan sebahagian pengetua-pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Awangku Muhammad Eljaz Mateen bin Pengiran Muhammad Khairul Nizam dan keluarga (atas).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama Awang Ahmad Danish Hakimi bin Shufiady dan Awang Muhammad Saedon bin Haji Sahralidin serta keluarga para penerima anugerah berkenaan (kiri sekali dan kiri).**

**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh dan keluarga (kanan).**



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama Dayang Dayana binti Adi Rani Soffian dan keluarga (kanan sekali).**



# Martabatkan mushaf, lambang ilmu tiada tolak bandingan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13.**

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah mengimbas kembali pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-8 yang telah berlangsung pada 16 November 2020 lalu dan menyatakan bahawa baginda telah melancarkan Majlis Penulisan Mushaf UTB dan menzahirkan titah bahawa mushaf ini akan menjadi kepala dalam setiap perarakan.

Justeru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan ucapan syabas kepada kejayaan berkenaan.

Selain itu, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, baginda merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada UTB atas penampilan sulung dalam kedudukan Dunia Times Higher Education 2025 yang berprestij.

"Sementara itu, kedudukan terkini dalam QS World University Ranking 2026 menunjukkan bahawa UTB kini berada pada tangga ke-9 di kalangan Universiti Kejuruteraan dan Teknologi di ASEAN. Syabas atas pencapaian ini.

"Beta gembira mengetahui bahawa prestasi institusi pengajian tinggi di negara ini dalam kedudukan *ranking* dunia adalah selaras dengan aspirasi ke arah mencapai sasaran matlamat Wawasan Brunei 2035 berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja," titah baginda.

Kebawah DYMM dalam titah seterusnya berharap usaha institusi-institusi pengajian tinggi untuk memberi impak di persada global dapat diteruskan.

"Beta ingin mengingatkan kepada UTB untuk bukan sahaja memfokuskan kepada pencapaian akademik sahaja bahkan meningkatkan kemudahan - kemudahan pengajaran dan pembelajaran bagi para tenaga pengajar dan penuntut UTB," tegas baginda.

Menyentuh mengenai inovasi, pada hemat baginda, UTB telah mencapai kematangan dengan kurikulum pembelajaran dan penyelidikan dan telah berhasil memberi impak signifikan kepada budaya inovasi.

Baginda menambah, dalam peringkat kebangsaan dan ASEAN, UTB telah berjaya memajukan pemikiran inovatif melalui penganjuran Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota selama dua dekad.

Kebawah DYMM dalam titah seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing dan semoga kejayaan itu akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang.

"Ucapan tahniah juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten telah mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UTB, yang merangkumi ahli-ahli majlis dan senat, naib canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, dan kakitangan atas segala sumbangan pegawai dan perkhidmatan mereka.

Baginda berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

# Inovasi AI pacu kemampanan, bentuk hala tuju industri

**BERAKAS**, Rabu, 3 September. - Pertandingan CIPTA berfungsi sebagai platform untuk mengetengahkan idea-idea bernas yang mampu memberikan impak signifikan dan menjadi sebahagian daripada gerakan inovasi global.

Inovasi yang baginda maksudkan di sini adalah penyelesaian teknologi global melalui Kecerdasan Buatan (AI), teknologi iklim dan teknologi mendalam atau *deep tech* untuk memacu kemampanan dan membentuk semula hala tuju industri.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 hari ini.

Pada majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap agar semua pihak akan dapat bersama-sama mendukung usaha ke arah memastikan budaya inovasi itu boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi yang mampan dalam menjana peluang pekerjaan kepada graduan-graduan tempatan.

"Beta juga ingin menyeru kepada graduan-graduan untuk menggunakan ilmu yang ada khususnya dengan kepesatan teknologi dan AI untuk meneroka industri - industri baharu khususnya industri digital dan kreatif untuk mempelbagaikan lagi ekonomi dan membukakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan atau keusahawanan," titah baginda.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya turut difahamkan bahawa UTB mempunyai kerjasama yang rapat bersama industri melalui penyelidikan dan inovasi dalam kampus seperti Projek Solar Farm dan Projek Electric Vehicles (EV) serta Stesen Pengecasan EV.

Makmal-makmal yang sedia ada dalam kampus, tambah baginda, iaitu Huawei ICT Academy, CISCO Networking Academy, AI Machinery Lab dan Sand Retention Innovation Lab juga menyokong pembangunan UTB sebagai sebuah hab inovasi. Kerjasama yang terjalin antara UTB dan industri adalah merupakan peluang untuk membangun inisiatif serta keupayaan penyelidikan dan inovasi.

"Beta menasihatkan supaya UTB, bersama institusi pengajian tinggi yang lain, terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan melalui platform inovasi negara yang sedia ada," jelas baginda.

Sebelum mengakhiri titah, baginda menyeru kepada semua pihak, lebih-lebih lagi kepada pihak pengurusan pendidikan supaya budaya dan amalan yang baik dikukuhkan.

Budaya dan amalan yang baik itu, tegasnya, adalah yang diajarkan oleh Islam iaitu berlaku ihsan kepada sesama sendiri dan bahkan kepada sesiapa sahaja di luar kalangan kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan, dengan adanya budaya dan amalan yang baik ini, apa-apa pun gejala yang kurang sihat tidak akan bertapak di umpamanya negara ini gejala penyalahgunaan dadah dan gejala buli dalam apa jua bentuk sekalipun.





**SEKITAR Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).**

PELITA BRUNEI

# 568 GRADUAN DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN UTB

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin**






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.**

**BERAKAS**, Rabu, 3 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa dibacakan (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia di ICC dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman serta Pendaftar dan Setiausaha UTB, Awang Lim Chui Hua.

Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus keberangkatan perarakan canselor memasuki Dewan Plenary, nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dilaungkan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 30 hingga ayat 33 oleh Awang Mohammad Naqib Ahwazie bin Mohammad Ali, graduan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal.

Manakala, inti sari ayat dibacakan oleh Awang Abdul Khaliq bin Saifullizan, graduan Sarjana Sains (Secara Kerja Kursus) dalam Keselamatan Siber.

Atur cara turut diisikan dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah yang antara lain menyembahkan menjunjung kasih ke atas Kerajaan Kebawah DYMM yang telah membiayai persiapan dan percetakan Mushaf UTB.

**>> Muka 7**





**BACAAN Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Manakala gambar atas kanan, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 30 hingga ayat 33 oleh Awang Mohammad Naqib Ahwazie bin Mohammad Ali, graduan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal.**








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada para penerima (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).**

**>> Muka 6**

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah seterusnya menyembahkan penerbitan Mushaf UTB adalah sokongan abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik yang padu dan tinggi terhadap Al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan.

"Dalam masa yang sama, pendekatan pelbagai disiplin yang mengintegrasikan program akademik yang ketat dengan pembelajaran berasaskan pengalaman sebagai sampingan.

"Ini termasuk memupuk budaya inovasi dan pemikiran kritis melalui inisiatif penyelidikan, projek kerjasama dan perkongsian dengan industri.

"Ketersediaan dana penyelidikan dari Kementerian Pendidikan dan CREATES, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, telah menunjukkan kemajuan aktiviti para penyelidik UTB, di mana ia telah memberi kesan kepada jumlah petikan secara terkumpul," sembahnya lagi.

Pada 2024 sahaja sembah Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi, petikan penyelidikan UTB telah meningkat kepada 9,540 dan begitu juga keberkesanannya kepada pedagogi pembelajaran serta pengajaran, dan hubungan bersama organisasi luar negara dan industri tempatan.

Naib Canselor UTB seterusnya menyembahkan bahawa projek yang meliputi pembangunan mampan berkenaan berjaya menarik penyelidikan yang berteraskan kerjasama dan kepentingan.

Penyelidikan-penyelidikan ini sembahnya lagi, dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah global sebenar seperti reka bentuk cekap tenaga, dan pengurusan sisa dan ekonomi sekular.

"Skor yang meningkat bagi Matlamat Pembangunan Mampan dalam Times Higher Education Impact Rankings 2025 adalah komitmen UTB yang berterusan terhadap pembangunan mampan, inovasi dan pertumbuhan inklusif sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan Visi Universiti," sembahnya lagi.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan seterusnya merasmikan Mushaf UTB.

Acara diteruskan dengan Bentara membuka kain penutup Mushaf diiringi dengan laungan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan melafazkan titah kuasa Canselor UTB bagi mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada tiap-tiap graduan yang nama mereka disenaraikan di dalam Buku Konvokesyen.

Ini diikuti dengan laungan kalimah 'Allahu Akbar, Wa Lillah il Ham' daripada para graduan dan yang semua yang hadir sebagai tanda syukur.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan mengurniakan Ijazah kepada 568 graduan termasuk Ijazah Doktor Falsafah kepada 13 graduan; Ijazah Sarjana kepada 150 graduan, dan Ijazah Sarjana Muda kepada 405 graduan.

**>> Muka 8**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra pada majlis tersebut (atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, bawah tengah dan kanan, antara graduan dan ahli keluarga graduan yang hadir pada majlis berkenaan.**







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 7

Setakat ini, UTB telah melahirkan seramai 5,141 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan BDTVEC; 295 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Tahap Lima; 3,769 graduan Ijazah Sarjana Muda; 776 graduan Ijazah Sarjana dan 45 graduan Ijazah Doktor Falsafah.

Para graduan adalah daripada bidang-bidang Kejuruteraan Perdagangan; Pengkomputeran dan Informatik; Sains Gunaan dan Matematik; Reka Bentuk, dan Pusat Perhubungan, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL).

Konvokesyen tahun ini juga menandakan graduan kohort pertama bagi Ijazah Sarjana dalam Keselamatan Siber di bawah biasiswa ASEAN Shield Cyber Security, kohort pertama bagi Ijazah Sarjana Seni Bina (secara penyelidik dan kerja kursus) serta kohort pertama graduan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (atas, atas kiri dan kiri). Sementara gambar bawah kiri, bawah dan bawah kanan, keceriaan terpancar dari muka para graduan bersama ahli keluarga pada majlis tersebut.







# MUSHAF UTB : LAMBANG INTEGRASI IMAN, ILMU TRADISI AKADEMIK UNIVERSITI

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin**



**BERAKAS**, Rabu, 3 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah mencatat satu lagi mercu tanda bersejarah dengan pelancaran rasmi Mushaf UTB pada Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 bagi Tahun 2025 yang berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB berkenan melancarkan Mushaf UTB berkenaan, yang diikuti dengan laungan takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.

Perjalanan berkenaan berakar umbi daripada visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk UTB.

Pada 18 Oktober 2008, sempena Sambutan Hari Guru Ke-18, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan untuk menaik taraf Institut Teknologi Brunei (ITB) kepada status universiti, sekali gus mengubah nama ITB menjadi UTB.

Seterusnya, Kebawah DYMM telah berkenan untuk mengarahkan supaya Mushaf UTB dijadikan sebagai Cokmar istiadat semasa Majlis Konvokesyen UTB, yang melambangkan integrasi iman dan ilmu dalam tradisi akademik universiti.

Perjalanan berkenaan berterusan di Majlis Konvokesyen UTB Ke-8 pada 16 November 2020, apabila Kebawah DYMM berkenan melancarkan Penulisan Mushaf UTB dengan menulis Basmalah dalam khat Jawi pada Ummul Kitab.

Pelancaran dan penyiapannya pada hari ini memenuhi visi Kebawah DYMM dan mencerminkan komitmen mendalam universiti untuk mempertahankan nilai-nilai Islam dan memupuk kecintaan terhadap Al-Quran, selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, dan bertepatan dengan titah Kebawah DYMM yang menetapkan Mushaf berkenaan sebagai Lambang Keilmuan UTB yang kekal abadi.

Mushaf UTB berkenaan ditulis dan direka oleh bakat tempatan, iaitu ahli khat Awang Haji Sabtu bin Surat; dan pereka Dayang Izzati binti Haji Mohd. Alinoor, penerima biasiswa Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Muka depannya menampilkan palet hitam dan emas yang tersendiri, dengan khat Al-Quran Al-Karim yang diterapkan dalam motif *gear*, mencerminkan kedua-dua seni penciptanya dan identiti UTB sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan dan teknologi.

Pelancaran Mushaf UTB bukan sahaja menandakan komitmen UTB dalam memelihara warisan Islam dan seni budaya, tetapi juga menonjolkan peranannya dalam mempromosi budaya Islam dan pertukangan tangan tempatan.

Kini, Mushaf UTB berdiri sebagai lambang kerohanian dan intelektual, yang mengetuai setiap perarakan konvokesyen dan juga melambangkan integrasi harmoni iman, ilmu dan kecemerlangan akademik di UTB.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat merasmikan Mushaf UTB pada Majlis Konvokesyen UTB Ke-13. Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB (atas sekali kanan dan atas).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai dengan Mushaf UTB sebagai Lambang Keilmuan UTB yang kekal abadi.**

PELITA BRUNEI

# ISB RAIKAN PELAJAR CEMERLANG IB SESI MEI 2025



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Board of Directors Achievement Awards Ceremony (atas dan kanan).**



**YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima anugerah pada majlis berkenaan.**



**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**SALAMBIGAR**, Rabu, 3 September. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) telah menganjurkan acara tahunan iaitu Board of Directors Achievement Awards Ceremony di ISB Teater, di sini bagi meraikan pelajar International Baccalaureate (IB) yang mencapai keputusan cemerlang bagi sesi Mei 2025.

Berkenan berangkat ke majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, dijunjung oleh Pengerusi Lembaga Pengarah ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; dan Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Board of Directors Achievement Awards bermula sejak 2018, menjadikan tahun 2025 kali kelapan pelajar terbaik IB ISB menerima anugerah berserta biasiswa kewangan untuk membantu kos pengajian tinggi mereka.

Program Diploma IB merupakan program akademik pasca-16 tahun yang berprestij dan mencabar yang disertai oleh pelajar di seluruh dunia.

Secara global, seramai 202,103 pelajar dinilai bagi Diploma IB pada Mei 2025 dengan purata markah 30.58, dan di ISB, purata markah ialah 33.5, jauh melebihi purata global.

Daripada 71 pelajar Tahun 13 ISB 2025, seramai 27 graduan ISB menerima anugerah dalam majlis berkenaan menandakan satu tahun yang cemerlang dalam keputusan Diploma IB dan kesinambungan tradisi kecemerlangan ISB.

Bagi pelajar yang mencapai tahap tertinggi keputusan IB, graduan ISB menerima Anugerah Kecemerlangan dalam kategori gangsa, perak atau emas (jumlah markah antara 37 hingga 45).

Sementara itu, bagi pelajar yang menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara sepanjang pengajian IB, mereka dianugerahkan Anugerah Pencapaian khas.

Tahun ini, dua pelajar menerima ISB Board of Directors Silver Excellence Award kerana memperoleh markah keseluruhan antara 40 hingga 42, iaitu Ayden Chung yang memperoleh 42 markah dan Precious Tan yang mendapat 40 markah.

Seramai 12 pelajar menerima ISB Board of Directors Bronze Excellence Award kerana memperoleh antara 37 hingga 39 markah, iaitu YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Awang Ahmad Shufiady, Aradhana Reghu, Bazil Albadii, Choi Soyun, Faith Huong, Ilyana Jasrin, Lani Danielowski, Awang Muhammad Sulaiman, Radhi Eddie Suhardi, Shurabil Seruddin dan Zara Jeffri.

Manakala, Anugerah Pencapaian turut diberikan kepada 26 pelajar, iaitu YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Ahmad Shufiady, Anastase Guillou, Andrea Sastranegara, Aradhana Reghu, Ayden Chung, Bazil Albadii, Celesty Teh, Celine Wong, Choi Soyun, Eira Oakley, Emilia Lim, Faith Huong, Fatin Shahwardy, Hakim Hairul, Hana Ashalla Bagdad, How Jia Shinn, Ilyana Jasrin, Joudi Ahmed, Lani Danielowski, Awang Muhammad Sulaiman, Natassha Kang, Precious Tan, Quynh Anh Nguyen, Shurabil Seruddin, dan Zara Jeffri kerana berjaya mencapai sekurang-kurangnya 5 markah lebih tinggi daripada penanda aras IB masing-masing.

Pengerusi Lembaga Pengarah ISB dalam ucapannya menyembahkan sebagai sekolah pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Borneo yang menawarkan Program Diploma IB yang berprestij, ISB telah menyediakan pendidikan IB cemerlang selama lebih dua dekad.

Menurutnya, mereka telah melihat sendiri bagaimana program IB yang menyeluruh dan mencabar melahirkan pelajar yang berdaya tahan, kreatif dan yakin, melengkapkan mereka bukan sahaja dengan ilmu akademik tetapi juga kemahiran penting untuk berjaya dalam pengajian tinggi dan seterusnya.

Di ISB sembahnya lagi, mereka berbangga mengekalkan tradisi kecemerlangan ini dengan membentuk persekitaran yang menekankan semangat komuniti, belas kasihan dan sahsiah yang kukuh.

"Selaras dengan komitmen ini, Lembaga Pengarah memperkenalkan anugerah ini pada 2018 untuk menghargai pencapaian pelajar terbaik bukan sahaja mereka yang mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga mereka yang menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara.

"Pendekatan inklusif ini mencerminkan nilai teras ISB dan keyakinan kami dalam membentuk pelajar sepanjang hayat serta memberi kuasa kepada setiap pelajar untuk cemerlang," sembahnya lagi.

Sementara itu, dalam sembah ucapan alu-aluan Dominic Morley antara lain menzahirkan perasaan bangga kerana sebagai sebuah sekolah inklusif sejati di mana setiap orang boleh berjaya, ISB sentiasa menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi kepada semua pelajar mereka.

Majlis turut menampilkan penceramah jemputan, iaitu Fauzi Said, seorang alumni ISB dan graduan IB Kelas 2009 yang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Geologi dan Geofizik di University of Leicester dan kini merupakan Penganalisis Kanan Pengurusan Karbon di Wood Mackenzie, Republik Singapura.

Majlis diakhiri dengan ucapan penutup daripada penerima Anugerah Kecemerlangan Perak dan penerima biasiswa Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2025, iaitu Ayden Chung, yang menyampaikan penghargaan kepada ISB, Lembaga Pengarah ISB, Kementerian Pendidikan, guru-guru dan ibu bapanya.

Selain meraikan kejayaan graduan, acara berkenaan juga menjadi perpisahan rasmi bagi pelajar Tahun 13 kerana mereka memulakan pengajian di universiti di seluruh dunia.

Keputusan IB yang dicapai oleh Tahun 13 kohort 2025 mengukuhkan rekod kecemerlangan akademik ISB sebagai sebuah sekolah inklusif serta mengukuhkan kedudukan ISB sebagai pilihan utama pendidikan IB di NBD, mempersiapkan pelajar untuk berjaya di peringkat antarabangsa.









**SEKITAR majlis tersebut yang berlangsung di Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Teater (atas sekali, atas, kiri dan kiri sekali).**

# PERASMIAN PAMERAN SIRAH RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyyah (kiri dan kanan).**



**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyyah anjuran bersama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dan Ilma Events Sendirian Berhad, hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik di BKISHHB dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat dalam sembah alu - aluannya menyembahkan bahawa inisiatif - inisiatif seumpama ini adalah bertepatan dengan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin melihat BKISHHB benar-benar menjadi Pusat Warisan Ilmu Islam, yang mampu untuk menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan dan baginda juga ingin melihat komitmen institusi-institusi pengajian tinggi bagi sama-sama menjayakan aktiviti dan program keilmuan tersebut.

Selain itu, sembah Yang Berhormat, baginda juga melihat akan kepentingan bagi BKISHHB membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai sektor, baik bersama agensi-agensi kerajaan mahupun bersama pihak swasta, sebagai usaha untuk menjadikan BKISHHB sebuah pusat khazanah ilmu yang akan mampu menarik kerjasama dan pengunjung dari dalam serta luar negeri.

"Baginda berpandangan bahawa membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai pihak akan memberikan impak yang signifikan kepada imej BKISHHB dan juga kepada usaha untuk memastikan BKISHHB dapat beroperasi secara mampan (*sustainable*) untuk jangka masa panjang," sembah Yang Berhormat lagi.

Alhamdulillah, melalui bimbingan dan nasihat Lembaga Penasihat BKISHHB yang memberikan hala tuju strategik, Yang Berhormat melihat BKISHHB dengan usaha-usaha yang dilaksanakan, termasuk dengan penganjuran Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Taman Mulia (Al-Rawdah Al-Sharifah) dan Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Al-Hujrah Al-Nabawiyyah) ini telah mula bergerak menuju kepada apa yang dihasratkan oleh baginda untuk menjadikan BKISHHB sebagai pusat pameran yang unggul dan pusat khazanah ilmu, khususnya yang berkaitan dengan sejarah ketamadunan dan kegemilangan Islam.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan merasmikan Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyah dan seterusnya menyaksikan video perasmian pameran.

DYTM kemudian dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyah di Ruang Galeri Istimewa BKISHHB.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dengan Ahli Lembaga Penasihat BKISHHB, Ahli Urus Setia Penasihat BKISHHB dan Ahli Jawatankuasa Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyah.

Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan berlangsung selama lebih dua bulan, mulai 4 September sehingga 13 November 2025 akan menampilkan replika Rawdah yang ada di Masjid Nabawi di Madinah dan juga Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang Baginda diami bersama Sayyidatina Aisyah Radiallahuanha.

Para pengunjung juga akan berpeluang membaca maklumat yang dipaparkan dan mendengarkan penjelasan yang diberikan oleh pencerita (*storyteller*) daripada kalangan pegawai dan graduan yang mempunyai tauliah mengajar ugama daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang ditugaskan memberikan penerangan di dalam galeri pameran.

Selain daripada pameran, program-program ilmiah dan aktiviti sampingan seperti jual-jualan termasuk penjualan buku-buku ilmiah, sesi ceramah oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negeri, aktiviti penceritaan sejarah Islam, peraduan dan pertandingan juga akan diadakan sepanjang tempoh pameran.

Program ilmiah dan aktiviti-aktiviti di sepanjang pameran ini melibatkan institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang memberikan sokongan dalam pameran dengan penjualan buku-buku agama serta penglibatan pegawai-pegawai yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang sejarah dan tamadun Islam, khususnya Sirah Nabawiyyah untuk mengetengahkan sejarah hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para pengunjung melalui program dan aktiviti yang bersesuaian sepanjang pameran tersebut.

Agensi dan institusi-institusi tersebut juga turut terlibat dalam menyemak maklumat-maklumat berkaitan bahan pameran yang dikongsikan kepada orang ramai adalah berasal daripada sumber sejarah dan tafsiran yang telah disusun dan disemak dengan teliti berdasarkan riwayat sahih dan sumber ilmiah muktabar.

Antara tujuan utama penganjuran pameran ini ialah untuk memupuk ikatan rohani dan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menyampaikan ilmu kepada orang ramai, dan juga menghidupkan kembali sejarah aspek peribadi tahun-tahun terakhir kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pameran ini juga diharapkan menjadi salah satu wadah utama dalam memperkaya pengalaman para pengunjung serta memperluaskan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, terutama dalam bidang sejarah dan tamadun Islam dan lebih-lebih lagi riwayat kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Rawdah Al-Sharifah dan Al-Hujrah Al-Nabawiyah di Ruang Galeri Istimewa Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (atas). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai.**



PELITA BRUNEI

# BERKENAN MERASMIKAN PAMERAN URUSAN RUMAH TANGGA 2025

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin




**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga 2025 sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-79 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.**



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan mengurniakan sabda perasmian Pameran Urusan Rumah Tangga 2025.**



**YANG Teramat Mulia dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran pada acara tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga 2025 sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-79 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), hari ini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Dewan Pusat Belia, di ibu negara, dijunjung oleh Yang Dipertua Persatuan PERTIWI Brunei Darussalam, Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yussof dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran Urusan Rumah Tangga 2025.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Sejurus keberangkatan, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan. Dalam sembah alu-aluan Yang Dipertua Persatuan PERTIWI Brunei Darussalam, Datin Dayang Hajah Siti Hajar selaku Pengerusi Bersama Acara, menyembahkan bahawa tanggungjawab kaum wanita di alaf ini perlu bijak mengurus rumah tangga supaya boleh bersaing dan seimbang dengan kemajuan global.

Suasana global yang makin mencabar terutama sekali dalam tugas seharian menjaga dan mendidik anak-anak tambahnya memerlukan kaum ibu supaya sentiasa peka terhadap perkembangan semasa agar dapat menangani pelbagai masalah, keselamatan dan kesihatan keluarga, pakaian yang bersesuaian dan pengurusan rumah tangga dengan bijak supaya dapat melahirkan satu institusi keluarga yang bahagia, berilmu dan beriman.

Pameran Urusan Rumah Tangga tahun 2025 kali ini, sembah Datin Dayang Hajah Siti Hajar, melibatkan penyertaan semua peringkat masyarakat dalam Bahagian Pameran dan Demo yang melibatkan beberapa sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak perseorangan termasuk golongan belia, warga emas hingga ke peringkat akar umbi melalui penyertaan Biro Wanita Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

"Alhamdulillah, sukacita juga disembahkan bahawa pameran pada tahun ini memberi keutamaan untuk penyertaan peserta tempatan di mana penyertaan semua lapisan masyarakat tempatan dalam pameran ini adalah terbit daripada manifestasi kerjasama, komitmen serta persefahaman yang wujud dalam kalangan kaum wanita amnya, ahli-ahli jawatankuasa pameran khususnya, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam sama-sama memeriahkan suasana Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi DBM pada tahun ini," sembahnya.

Datin Dayang Hajah Siti Hajar seterusnya menyembahkan bahawa pameran yang berbentuk beberapa tunjuk cara atau demo ini dihasratkan akan dapat menyediakan peluang dalam bidang ekonomi yang boleh diraih oleh kaum ibu tidak mengira mereka yang di rumah atau pun bertugasan di luar rumah; untuk menjadikan minat pelbagai kemahiran yang dipamerkan sebagai sumber untuk menjana ekonomi yang boleh menambah pendapatan keluarga.

Yang Teramat Mulia kemudian berkenan mengurniakan sabda perasmian Pameran Urusan Rumah Tangga 2025 dan seterusnya menyempurnakan cenderamata penghargaan kepada para peserta Pameran Urusan Rumah Tangga 2025.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani. YTM kemudiannya dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran pada acara tersebut.

Pameran Urusan Rumah Tangga 2025 dianjurkan oleh Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun bagi DBM dan dikelolakan oleh Persatuan PERTIWI Brunei Darussalam sebagai salah satu daripada acara perayaan.

Acara ini berbentuk pameran dan demonstrasi pelbagai produk hasil masakan, kraf tangan, pakaian serta peralatan rumah dan dapur.

Antara lain ia mempamerkan berbagai kegiatan yang boleh diterokai oleh kaum wanita untuk dijadikan hobi dan seterusnya sumber menambah pendapatan keluarga sambil mengurus keluarga di rumah.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk menarik minat kaum wanita, iaitu kaum ibu atau belia, untuk turut bergiat dalam pelbagai bidang seperti masakan, kraf tangan, penghasilan produk dari sumber alam yang dapat dikembangmajukan daripada hanya sebagai hobi sehingga mencapai ke peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan komersial yang berdaya tahan dan berdaya saing.

NGO di pameran ini, diharap akan dapat membantu meningkatkan kesedaran / pengetahuan kaum ibu terhadap permasalahan sosial yang perlu dihindari daripada berlaku dalam kalangan keluarga sendiri dan cara-cara menanganinya.

Peserta pameran terdiri daripada Majlis Perundingan Kampung, sektor swasta, NGO dan orang-orang perseorangan. Penyertaan semua lapisan masyarakat dalam pameran ini adalah terbit daripada manifestasi kerjasama yang padu, komitmen serta persefahaman yang wujud dalam kalangan kaum wanita amnya, ahli-ahli jawatankuasa pameran, NGO, sektor awam, sektor swasta dalam sama-sama memeriahkan suasana Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 Tahun bagi DBM pada tahun ini.

# Majlis penutup dikir di Istana Nurul Iman

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin





**DIKIR Maulud berkenaan dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kanan). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada Majlis Dikir Maulud yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 5 September. - Istana Nurul Iman hari ini telah sempurna menutup tirai Majlis Dikir Maulud 12 malam berturut-turut bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

Majlis penutup yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman dan dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah memulakan majlis yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

>> Muka 19

# Latihan penuh pastikan kelancaran majlis

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Dalam masa beberapa hari sahaja lagi masyarakat Islam di negara ini khasnya dan penduduk Islam dunia amnya akan menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti lazimnya akan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara besar-besaran bagi memperkembangkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini di samping memperingati kelahiran Junjungan Besar kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah.

Sehubungan itu, pada tahun ini Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, pada Sabtu, 6 September 2025, pukul 7.00 pagi dengan perhimpunan dan perarakan.

Bagi memastikan kelancaran sambutan itu nanti, latihan penuh (*rehearsal*) bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H diadakan pagi tadi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berangkat dan juga hadir sama bagi menyaksikan latihan penuh ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Turut hadir Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Pengendali-pengendali Bersama serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang lain.



YANG Amat Mulia Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah berangkat menyaksikan latihan penuh Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta BIBD.

Tema bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah'.

# HUBUNGAN NBD – UK TERUS DIPERKUKUH, FOKUS KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty, hari ini.

Pertemuan yang diadakan di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat tersebut menekankan hubungan dua hala yang erat antara NBD dan United Kingdom yang telah terjalin sejak sebelum kemerdekaan negara ini.

Kedua-dua pihak turut menyentuh mengenai kerjasama di semua peringkat serta hubungan mesra rakyat (*people-to-people*) yang terus memperkukuh ikatan persahabatan antara kedua-dua negara.

Selain itu, kerjasama dalam pelbagai bidang turut menjadi tumpuan, di samping usaha memperkukuhkan hubungan antara Parlimen melalui perkongsian maklumat dan pengalaman.

Pertukaran pandangan juga merangkumi isu-isu global seperti perubahan iklim dan kepelbagaian ekonomi dengan harapan dapat memperluaskan lagi ruang kerjasama pada masa hadapan.

Turut hadir semasa Kunjungan Hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

# JPM adakan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir 12 Malam (atas). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Majlis Dikir 12 Malam Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi berakhir malam ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diketuai oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen diikuti dengan bacaan wirid, doa dan bacaan Surah Al-Fatihah dan diserikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Pegawai-pegawai JPM.

Selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara akan terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



Pada tahun ini, acara dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

# 22 TERIMA BIASISWA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan semasa sesi bergambar ramai bersama para penerima.

**GADONG**, Rabu, 3 September. - Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mendukung kejayaan sistem persekolahan Arab dan Pengajian Tahfiz.

"Ini kerana pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam Arab dan umum termasuk hafazan Al-Quran menjadi syarat utama bagi melayakkan pelajar-pelajar dianugerahkan biasiswa ini.

"Alhamdulillah dengan adanya penganugerahan ini, kita dapat menyalurkan pelajar-pelajar sekolah Arab dan Institut Tahfiz untuk meneruskan pengajian lanjutan di peringkat pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara," jelas Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil semasa berucap pada Majlis Doa Kesyukuran bagi Penganugerahan Biasiswa KHEU, Sesi Akademik 2025 / 2026 bertempat di Dewan Songket, Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

Dalam pada itu, tambah Dayang Hajah Mariana, kita turut menyedari sesuai dengan keperluan semasa, beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan telah dan akan terus dilaksanakan yang melibatkan proses pemilihan, perancangan keperluan dan kategori biasiswa yang ditawarkan.

"Untuk perkara ini, Alhamdulillah di peringkat pemilihan salah satu aspek yang masih dikekalkan dalam penilaian dan proses pemilihan ialah Scholarship Leadership Assesment (SLA) dengan usaha sama bersama Bahagian Biasiswa Jabatan Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan," jelasnya.

Program tersebut ujarnya lagi, menekankan aspek kepimpinan yang merupakan antara perkara yang dilihat perlu ada pada setiap calon. Di samping itu, aspek pencapaian akademik khususnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam adalah masih menjadi kriteria utama.

Semoga dengan adanya usaha-usaha ini dapat terus mengukuhkan kedudukan biasiswa ini dan apa yang penting adalah kerjasama berterusan setiap jabatan dan bahagian serta pihak berkepentingan untuk dapat memanfaatkan lulusan graduan ini sebagai hasil pelaburan kerajaan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Surat Anugerah Biasiswa KHEU kepada 22 orang penerima yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Seramai 15 orang pelajar akan melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda di Universiti Al-Azhar dan Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir dalam bidang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab, dan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat.

Manakala dua orang lagi pelajar akan melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda ke Malaysia iaitu seorang pelajar ke Universiti Islam Antarabangsa dalam bidang Bachelor of Law dan Bachelor of Law (Shariah) dan seorang pelajar ke Universiti Malaya dalam bidang Bachelor of Al-Quran dan Al-Hadith.

Majlis juga menyaksikan seramai lima orang pelajar menerima Biasiswa Skim Khas 'A' Level bagi melanjutkan pengajian ke Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS).

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan dan diikuti dengan ucapan Pengerusi Majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana.

Salah seorang penerima Biasiswa Skim Khas 'A' Level, Awangku Omar Abdul Latif bin Pengiran Salleh yang pada ketika ini melanjutkan pelajaran di JIS ketika ditemui mengongsikan, cara belajar yang berkesan ialah dengan mengenal pasti topik yang lemah dan cuba tingkatkan penguasaan dalam topik tersebut.

Selain itu, selalu membuat latihan melalui kertas-kertas soalan tahun-tahun sebelumnya sangat penting kerana ia banyak membantu semasa Peperiksaan 'O' Level.

Akhir sekali, jangan pernah berputus asa. Walau seberapa bersedia pun kita, kita takkan tahu bagaimana peperiksaan akan berlangsung. Yang penting adalah untuk terus sabar dan bertawakal hingga ke akhirnya.

Awangku Omar yang sebelum ini penuntut Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Jabatan Pengajian Islam, KHEU di atas penganugerahan biasiswa ini dan akan terus berjuang bersungguh-sungguh di dalam bidang akademik mahupun bidang persukanan dan kokurikulum sepanjang pembelajaran di JIS.

Ketika mengulas mengenai harapan beliau dalam masa lima tahun ke depan, Awangku Omar ingin melanjutkan pelajaran di luar negara, di antara di United Kingdom ataupun Malaysia dan berhasrat untuk mengambil dalam jurusan Clinical Psychology atau Sports Science.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai kanan di bawah KHEU.

# Dikir 12 malam berturut-turut melabuhkan tirai

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Dikir yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 September. - Majlis Dikir sepanjang 12 malam berturut-turut bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi 1447 Hijrah bagi masjid-masjid surau dan balai ibadat seluruh negara telah melabuh tirainya dengan acara penutup, malam tadi.

Acara yang bersiaran langsung menerusi Radio Televisyen Brunei dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini, dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan datin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memulakan majlis dengan mengepalai bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan tazkirah daripada penceramah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhd. Safwan bin Mohd. Suffian.

Tazkirah yang bertajuk 'Akhlak Rasulullah : Jaminan Kebahagiaan di Dunia dan di Akhirat' antara lain menekankan bahawa akhlak Rasulullah adalah cerminan sebenar daripada ajaran Al-Quran. Segala tutur kata, layanan terhadap keluarga, sahabat, bahkan musuh baginda, menjadi bukti nyata bagaimana Al-Quran diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Awang Muhd. Safwan menerangkan bahawa baginda dikenali sebagai seorang yang sentiasa ceria, memudahkan urusan, berhati lembut, tidak kasar, tidak suka meninggikan suara, tidak mencaci, tidak memburukkan orang lain, dan jauh daripada sifat kedekut.

Menurutnya, mengamalkan akhlak Rasulullah akan memberi kesan besar dalam kehidupan seorang Muslim, antaranya menumbuhkan ketenangan jiwa, memperbaiki hubungan dengan Allah dan sesama manusia serta meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Tazkirah juga menyatakan doa juga menjadi elemen penting dalam usaha memperbaiki akhlak, sebagaimana doa yang diajarkan Rasulullah agar terhindar daripada akhlak, amal, dan hawa nafsu yang mungkar.

Sebelum mengakhiri, tazkirah juga mengajak umat Islam untuk menjadikan akhlak Rasulullah sebagai pedoman hidup, demi membina hati yang kuat, jiwa yang tenang dan masyarakat yang sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh gabungan guru-guru ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diikuti Dikir Khairuman Udana Laila dibawakan daripada Kumpulan Dikir Kampung Belimbing dan Kampung Subok.

Manakala gabungan para pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Hal Ehwal Masjid pula membawakan Dikir Bisyahrin Udana Laila.

Sementara itu, Dikir Al-Hamdu Sidik dibawakan oleh Kumpulan Dikir Perangkap, Kampung Burong Pingai Berakas dan seterusnya Dikir Asyrakal dibawakan oleh Pegawai Masjid dan Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Doa Dikir dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop dan Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh dibacakan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

NBD akan mengadakan Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447H akan diadakan secara besar-besaran serentak di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Tema sambutan kali ini ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah Mawaddah Warahmah'.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran Dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta jemaah masjid berkenaan.

Marilah kita sentiasa membasahi lidah kita dengan mengucap selawat ke atas Nabi Muhammad kerana Selawat Nabi adalah amalan yang menghubungkan kita terus dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah jambatan cinta kepada kekasih Allah yang mulia.

Berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Ia bukan sahaja menambah kecintaan kepada Baginda tetapi juga membawa keberkatan dalam kehidupan.

Majlis seumpama ini diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid di samping mengeratkan lagi hubungan ukhuwah silaturahim antara para pegawai dan kakitangan KHEU dengan para jemaah masjid.

# 5 PENERIMA TANDATANGANI PERJANJIAN SULTAN'S SCHOLAR



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar bagi Sesi Pengajian Tahun 2025 / 2026.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar bagi Sesi Pengajian Tahun 2025 / 2026 bertempat di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis berkenaan merupakan kesinambungan daripada Majlis Penandatanganan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi 2024 / 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Seramai lima orang penuntut yang berjaya menerima anugerah Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian 2024 / 2025 menandatangani perjanjian mereka pada majlis tersebut.

Para penerima ialah Awangku Muhammad Eljaz Mateen bin Pengiran Muhammad Khairul Nizam, lepasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan akan melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam Jurusan Fizik (MSci in Physics) di University College London, United Kingdom.

Awang Ahmad Danish Hakimi bin Shufiady, lepasan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) akan mengikuti pengajian Sarjana Muda dalam jurusan Matematik dan Statistik (Bachelor of Science - Major in Mathematics and Statistics) di University of Melbourne, Australia.

Awang Muhammad Saedon bin Haji Sahralidin, lepasan Sekolah Antarabangsa Jerudong akan melanjutkan pengajian dalam jurusan Perubatan, Pembedahan dan Obstetrik (Bachelor in Medicine, Bachelor in Surgery and Bachelor in Obstetrics) di Trinity College Dublin, The University of Dublin, Republic of Ireland.

Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh, lepasan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan melanjutkan pengajian jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Dayang Dayana binti Adi Rani Soffian, lepasan Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah akan mengikuti pengajian jurusan Syariah Islamiyyah di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, yang juga Alumni Sultan's Scholar YSHHB, Pengiran Haji Muhammad Wafiuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain.

Acara diteruskan dengan penandatanganan perjanjian penerimaan biasiswa oleh kelima-lima penerima, ditemani oleh dua orang penjamin masing-masing yang terdiri daripada ibu bapa atau ahli keluarga terdekat.

Penandatanganan perjanjian bagi pihak YSHHB dilakukan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB bersama Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin dengan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan khusus kepada para penerima biasiswa sebelum mereka berlepas ke luar negara bagi melanjutkan pengajian masing-masing.

Hadir sama, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; Ahli Jawatankuasa Kerja Skim Biasiswa Sultan's Scholar; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Yayasan; ibu bapa serta ahli keluarga penerima; alumni Sultan's Scholar dan sebahagian pengetua institusi tingkatan enam seluruh negara.

Selaras dengan salah satu matlamat utama Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Skim Biasiswa Sultan's Scholar merupakan program pembangunan kapasiti manusia yang berperanan melahirkan generasi penerus bagi kepentingan agama, bangsa, raja dan negara, di samping menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

# Majlis Penutup Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**MULAUT**, Khamis, 4 September. - Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen (PMAM) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut telah mengadakan Majlis Penutup Dikir bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di masjid berkenaan, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah sebelum bermulanya Persembahan Dikir Syarafil Anam.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Bersama Majlis Dikir.

Kemudian majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Syarafil Anam antaranya Dikir Assalamuaika, Khairuman dan Bisyahrin. Selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Persembahan Dikir Syarafil Anam disambung lagi dan diikuti dengan Doa Dikir dan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang turut hadir di majlis berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; pegawai-pegawai kanan KHEDN; Ketua Kampung Mulaut, Awang Hamizan bin Haji Mustapa; Ahli-ahli Takmir Masjid PMAM; ahli MPK Mulaut dan Belia Masjid serta para jemaah masjid.

Majlis antara lain bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Islam di negara ini, untuk menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Selain itu, majlis juga diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk kampung.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Penutup Dikir bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.**



# MENTERI ALAM SEKITAR ASEAN PERKUKUH USAHA TANGANI CABARAN ALAM SEKITAR




**YANG Berhormat Menteri Pembangunan mewakili Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-18 dan Mesyuarat Persidangan Ahli-ahli Parti Kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-20 telah diadakan pada 3 September 2025, di Langkawi, Malaysia.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan**

**MALAYSIA**, Khamis, 4 September. - Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-18 dan Mesyuarat Persidangan Ahli-ahli Parti Kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-20 telah diadakan pada 3 September 2025, di Langkawi, Malaysia.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut mengesahkan semula komitmen mereka untuk memperkukuh usaha serantau yang bersepadu dalam menangani cabaran alam sekitar dan menggalakkan pembangunan mampan, selaras dengan tema Pengerusi ASEAN Malaysia 2025 : Inklusiviti dan Kelestarian serta Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang telah diterima pakai oleh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46.

Negara Brunei Darussalam (NBD) diwakili oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan dari Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat tersebut menghargai keutamaan-keutamaan Pengerusi ASEAN 2025 Malaysia untuk memupuk kerjasama serantau, antara lain, melalui 'Menangani Perubahan Iklim untuk Pengawasan, Perkongsian, dan Pemilikan'. Mesyuarat itu mengesahkan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai Perubahan Iklim kepada Sesi Ke-30 Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP30) untuk pertimbangan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47.

Mesyuarat berkenaan mengiktiraf inisiatif Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Perundingan Perikatan Asia Tenggara (Group SEA) di bawah Proses Rundingan Perubahan Iklim Global dalam UNFCCC, mengalu-alukan perbincangan dan input lanjut daripada AMS.

Mesyuarat menantikan penubuhan Pavilion ASEAN yang pertama di UNFCCC COP30 pada November 2025, di Belém, Brazil, yang akan menjadi demonstrasi komitmen tinggi ASEAN yang tidak berbelah bahagi untuk mengambil tindakan yang bermakna terhadap perubahan iklim.

Mesyuarat itu mengiktiraf inisiatif Malaysia untuk mengukuhkan kapasiti dan kerjasama mengenai pasaran karbon dan harga karbon di rantau ini, untuk menyumbang kepada matlamat iklim ASEAN.

Mesyuarat menghargai pemeteraian Perjanjian Penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC) yang berpangkalan di Brunei Darussalam dan Perjanjian Penubuhan Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ACC THPC) yang berpangkalan di Indonesia oleh semua Negara Anggota ASEAN. Mesyuarat menantikan setiap Negara Anggota ASEAN memulakan proses ratifikasi dan penubuhan serta pengoperasian penuh kedua-dua Pusat tersebut.

Di dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, mengongsikan mengenai inisiatif-inisiatif NBD untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan yang menyokong wawasan kebangsaan Wawasan Brunei 2035 dan Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pembangunan Mampan.

Dalam bidang pengurusan sisa dan ekonomi keliling (*circular economy*), NBD terus memajukan usaha ke arah pengurusan sisa mampan melalui tiga strategi utama: pengurangan sisa buangan melalui 3R (Reduce, Reuse, Recycle), kesedaran dan pemerkasaan awam, dan penggunaan teknologi Waste to Resource.

Antara lain inisiatif-inisiatif yang sedang berjalan termasuk Inisiatif Eco Food Waste, Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, Inisiatif Bebas Botol Plastik, Kempen Kebersihan Senegara Coastal Marvel, Hari Kitar Semula Senegara dan Kempen Bawalah Barang Guna Semula Awda.

Mengenai Perubahan Iklim dan kemampanan, NBD telah melakar hala tuju yang jelas ke arah pengurangan 20 peratus dalam pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 berbanding tahap 'Business as Usual' bagi pelepasan *net zero* menjelang 2050 melalui arahan pelaporan gas rumah hijau mandatori yang telah mengukuhkan kapasiti MRV kebangsaan.

Di samping itu, NBD kekal komited untuk melibatkan belia melalui inisiatif-inisiatif yang disasarkan ke arah penglibatan golongan muda di setiap peringkat, termasuk program BELIA BRUNAS melalui fasa YouLEARn dan YouGAIN, Inisiatif Green Schools dan Program STEAM Outreach.

NBD juga terus menjaga biodiversiti negara di mana 41 peratus telah ditetapkan bagi perlindungan dan pemuliharaan global, komited kepada rangka kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal serta mengesahkan komitmen untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang 2035.

Mesyuarat meluluskan pencalonan enam Taman Warisan ASEAN yang baharu, iaitu Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanal, Taman Negara Bako dan Taman Negara Lambir Hills dari Malaysia; Taman Negara Pu Mat, Rizab Budaya dan Alam Semulajadi Dong Nai dan Taman Negara Xuan Thuy dari Viet Nam; sebagai Taman Warisan ASEAN yang Ke-64, 65, 66, 67, 68, dan 69.

Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada Pusat Biodiversiti ASEAN (ACB) atas ulang tahunnya yang ke-20 tidak lama lagi sebagai pusat kecemerlangan serantau untuk pemuliharaan biodiversiti dan menghargai sokongan berterusan dalam mempermudah kerjasama dan penyelarasan mengenai biodiversiti. Selain itu, mesyuarat turut mengalu-alukan Pengarah Eksekutif Pusat Biodiversiti ASEAN yang baharu.

Mesyuarat juga mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) Ke-6 dan Certificate of Recognition yang Ke-5, mengiktiraf pencapaian mereka sebagai inspirasi untuk bandar-bandar lain bagi melaksanakan dasar dan amalan yang lebih mampan. Seminar Serantau ESC ASEAN telah diadakan pada 2 hingga 3 September 2025, yang telah memperkasakan bandar-bandar yang memenangi anugerah ASEAN untuk bertukar pengalaman dan pandangan yang bernilai dalam memupuk bandar-bandar yang mampan alam sekitar, dan untuk membina rangkaian serta potensi kolaborasi antara pihak berkepentingan dalam memulakan inisiatif bandar mampan di ASEAN.

Bagi NBD, Seria telah dicalonkan untuk menerima Anugerah ASEAN 'ESC' Ke-6. Hadir untuk menerima anugerah tersebut adalah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad. Seria dipilih berdasarkan pendekatan menyeluruh terhadap pembangunan hijau, yang merangkumi tumpuan yang kukuh kepada tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), pengurangan sisa, kualiti udara dan pendidikan alam sekitar.

Pekan ini telah mencapai kemajuan besar dengan melaksanakan projek-projek utama seperti loji fotovoltaik suria Brunei Shell Petroleum dan Seria Energy Recreational Park yang dijana oleh tenaga suria.

Inisiatif signifikan juga memainkan peranan penting, seperti program Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, penempatan stesen pemantauan kualiti udara dan pemasangan stesen pengecasan kenderaan elektrik yang dijana oleh tenaga suria. Tambahan pula, komitmen Seria untuk memupuk minda hijau dalam komuniti jelas melalui pengiktirafan Sekolah Rendah PSN Pengiran Haji Mohammad Yusof dengan Anugerah Sekolah ASEAN Eco Schools atas usaha alam sekitar dan pemuliharaannya.

Mesyuarat merakamkan penghargaan atas kemajuan pembangunan Pelan Strategik ASEAN Pasca-2025 mengenai Alam Sekitar (ASPEN) dan Pelan Tindakan Strategik Perubahan Iklim ASEAN (ACCSAP). Mesyuarat mengiktiraf bahawa Pelan-pelan Strategik ini akan berfungsi sebagai panduan kukuh untuk membentuk hala tuju dasar, meningkatkan tadbir urus institusi, dan memantau kerjasama ASEAN mengenai alam sekitar dan perubahan iklim.

Pelan-pelan ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan serantau dalam isu-isu baharu dan rentas sektor seperti pencemaran plastik, ekonomi kitaran (*circular economy*), ekonomi biru dan hijau, penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*nature-based solution*), dan pencemaran udara, selaras dengan Pelan Strategik ASCC bagi Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan agenda pembangunan global.

Mesyuarat menantikan kolaborasi dan sumbangan daripada rakan-rakan kongsi luar untuk pembangunan dan pelaksanaan Pelan-pelan Strategik ini.

Mesyuarat mengesahkan semula komitmen terhadap pelaksanaan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP) yang penuh dan berkesan serta mengambil maklum dengan penghargaan usaha berterusan Jawatankuasa di bawah Persidangan Ahli-ahli Parti kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Kedua Kerjasama ASEAN ke arah Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dengan Cara Pelaksanaan (Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu) 2023-2030 dan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua 2023-2030 (Second ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030).

Mesyuarat menekankan kepentingan mengekalkan dan menggalakkan kerjasama dan kolaborasi dalam ASEAN dan dengan rakan-rakan luar bagi menyokong Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu (ASEAN Investment Framework for Haze-Free Sustainable Land Management) menjelang 2030.

Selain itu, mesyuarat mengambil maklum penilaian oleh Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASEAN Specialised Meteorological Centre, ASMC), bahawa jumlah keseluruhan titik panas (*hotspot*) setakat ini bagi sub-rantau Mekong pada tahun 2025 adalah sekitar 25 peratus lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 semasa musim kemarau tradisionalnya antara Januari 2025 dan Mei 2025.

Keadaan telah meningkat pada Februari hingga Mac 2025, dan Tahap Amaran 3 telah dikeluarkan pada 17 Mac 2025, dengan jerebu asap rentas sempadan yang meluas diperhatikan meliputi banyak bahagian sub-rantau tersebut. Jumlah keseluruhan titik panas setakat ini di rantau ASEAN selatan adalah sekitar 10 peratus lebih tinggi pada tahun 2025 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.

Selepas bermulanya musim kemarau pada 12 Jun 2025, Tahap Amaran 2 telah dikeluarkan pada 19 Julai 2025. Jerebu asap rentas sempadan yang sederhana diperhatikan telah menjejaskan beberapa bahagian di rantau ASEAN selatan pada beberapa hari di bulan Julai 2025.

Apabila keadaan yang lebih basah berkembang, Tahap Amaran telah diturunkan kepada Tahap 1 pada 12 Ogos 2025. Mesyuarat - mesyuarat itu mengambil maklum bahawa sama ada keadaan El Nino-Southern Oscillation (ENSO) neutral atau La Nina dijangka berlaku dalam beberapa bulan akan datang. Status Dipol Lautan Hindi (IOD) dijangka kekal neutral dalam tempoh ini.

Masih terdapat risiko kejadian jerebu asap rentas sempadan di rantau ASEAN selatan semasa musim kemarau pada tahun 2025, kerana titik panas dengan kepulan asap boleh berlaku semasa keadaan yang lebih kering berpanjangan. Di sub-rantau Mekong, hujan yang dijangka hampir normal hingga di bawah normal menjelang akhir tahun mungkin menyumbang kepada peningkatan aktiviti titik panas dan risiko jerebu rentas sempadan yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengongsikan bahawa kualiti udara NBD sedikit terjejas oleh pencemaran jerebu rentas sempadan yang berlaku pada minggu keempat bulan Julai 2025 disebabkan oleh jerebu asap dari aktiviti titik panas di negara jiran yang membawa kepada perubahan kualiti udara di negara ini.

Bacaan Pollutant Standard Indeks (PSI) yang direkodkan dari semua stesen pemantauan kualiti udara meningkat daripada biasa, hingga mencapai tahap Sederhana iaitu PSI 54. Hujan lebat sekali-sekala telah membantu mengurangkan dan menghalang keadaan berjerebu daripada berterusan di negara ini.

Walau bagaimanapun, jerebu rentas sempadan mungkin berterusan disebabkan corak cuaca yang tidak menentu dan risiko jangka masa cuaca yang lebih kering dalam beberapa bulan akan datang.

>> Muka 17

# Rebutlah fadilat dan kelebihan berselawat




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan di mana Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diputerakan. Sememangnya wajar bagi kita umat Islam mengenang jasa yang besar yang telah dicurahkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu menyelamatkan manusia dari alam jahiliah kepada hidup bertamadun, dari kebatilan kepada kebenaran, kepimpinan dan akhlak Baginda sepatutnya dicontohi dan diteladani kerana tidaklah bererti jika kita hanya memperingati kelahiran Baginda sedangkan tunjuk ajar dan kepimpinan Baginda tidak dihayati dan diikuti serta tidak mendatangkan perubahan terhadap diri kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 28 :

**Tafsirnya :** *"Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui*".

Betapa besar pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam berjuang menyebarkan dakwah Islam yang penuh dengan peristiwa pahit dan getir, menempuh berbagai-bagai ancaman dan halangan, menghadapi bermacam-macam kesengsaraan, penderitaan, penindasan dan sebagainya. Namun Baginda tetap tidak berputus asa dalam menjalankan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan keimanan yang tebal dan keyakinan yang padu kepada Allah Subhanahu Wata'ala disertai dengan kasih sayang Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umat Baginda. Akhirnya, Baginda berjaya menegakkan syiar Islam di seluruh alam, sebagaimana yang digambarkan dalam Al-Quran, Surah At-Tawbah, ayat 128 :

**Tafsirnya :** *"Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang kamu tanggung yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang beriman*".

Agama kita menuntut umatnya supaya mengingati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan berselawat kerana berselawat merupakan doa dan sanjungan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 :

**Tafsirnya :** *"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan*".

Sesungguhnya selawat daripada Allah bererti rahmat dan keredaan-Nya untuk Baginda, selawat daripada malaikat bererti doa dan memohonkan ampun untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

Oleh yang demikian, perbanyakkanlah berselawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam kerana amalan berselawat tidaklah terhad pada waktu, bulan atau musim tertentu sahaja. Selawat ke atas Baginda adalah perkara besar, perkara agung, perkara yang tidak boleh dipandang ringan oleh kita selaku umat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia merupakan ikutan yang menghubungkan seorang Mukmin dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bagi menterjemah perasaan kecintaan, kerinduan dan kasih sayang terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka, tidak hairanlah amalan berselawat itu mengandungi banyak keutamaan dan fadilat, antaranya ialah :

**Pertama :** Orang yang berselawat akan dilimpahkan rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dosa-dosanya akan diampunkan dan ditinggikan darjatnya sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Sesiapa berselawat kepadaku sekali, maka Allah melimpahkan kepadanya 10 rahmat dan dihapuskan daripadanya 10 kejahatan serta Allah mengangkat 10 darjat*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Kedua :** Doa akan lebih cepat dimakbulkan, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasllam, daripada Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Sesungguhnya doa itu tertahan di antara langit dan bumi, tidak dapat naik sedikit pun daripada itu, sehingga mengucapkan selawat kepada nabimu (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam)*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

**Ketiga :** Membersihkan hati dan melapangkan fikiran atau kesempitan yang dihadapi oleh pengamalnya dalam menjalani kehidupan seharian.

**Keempat :** Selawat boleh menjadikan kita sihat sejahtera dan dijauhi daripada segala malapetaka dan dapat menyembuhkan segala penyakit dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kelima :** Selawat dapat meluaskan dan memberkati rezeki pengamalnya.

Melihat kepada banyaknya ganjaran bagi orang yang berselawat, maka alangkah ruginya jika kita tidak memperbanyakkan selawat dan menjadikannya sebagai zikir dan amalan harian. Selain itu juga, jika kita mendengar nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam disebut, maka hendaklah kita berselawat kerana dalam sebuah hadisnya daripada Ali bin Abu Talib, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda :

**Maksudnya :** *"Orang yang bakhil ialah orang yang apabila disebut namaku di hadapannya, maka dia tidak berselawat kepadaku*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Bersempena bulan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam marilah kita mendalami dan menghayati sirah kehidupan dan pengorbanan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyuburkan rasa cinta dan rindu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kerana dengan yang demikian akan memudahkan seseorang itu untuk mengamalkan selawat.

Maka beruntunglah umat Islam jika terus-menerus mengamalkan selawat dan menghayatinya pada setiap masa dan ketika, tidak hanya sekali dalam setahun iaitu pada masa memperingati hari kelahiran Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja. Sama-samalah kita membasahi lidah kita dengan membanyakkan selawat kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, mudah-mudahan selawat yang kita amalkan dengan rasa kasih sayang itu kita akan beroleh syafaat daripada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak, *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** *"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Wahai manusia! Sesungguhnya aku ialah Rasul Allah kepada kamu semua, yang baginya kuasa pemerintahan langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, nabi yang 'Ummi' yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya) dan ikutlah dia supaya kamu mendapat petunjuk*". (Surah Al-A'raf, ayat 158)

**>> Muka 16**

Oleh itu, NBD akan terus komited bersama-sama dengan Negara Anggota ASEAN secara kolektif untuk menangani isu jerebu dan menangani pencemaran jerebu rentas sempadan di rantau ASEAN. Mesyuarat juga mengambil maklum pembangunan produk kawasan terbakar dan tinjauan bermusim, peningkatan kepada Sistem Maklumat WMO (WMO Information System, WIS) ASMC, dan unjuran iklim serantau beresolusi tinggi melalui pemapar iklim dalam talian, serta program pembangunan kapasiti serantau yang merangkumi bengkel mengenai penilaian titik panas dan jerebu, analisis dan unjuran data iklim, serta program penempatan.

Mesyuarat mengambil maklum, berdasarkan penilaian Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (Southeast Asia Fire Danger Rating System, FDRS) bahawa masih terdapat risiko peningkatan aktiviti titik panas (*hotspot*) yang mungkin menyumbang kepada jerebu rentas sempadan sekiranya hujan yang terhad berterusan dalam beberapa minggu akan datang. Keadaan ini mungkin berlanjutan hingga September kerana rantau ini masih mengalami keadaan musim kemarau.

Mesyuarat seterusnya mengiktiraf usaha berterusan MET Malaysia untuk memperkukuh kapasiti operasi SEA-FDRS. Usaha-usaha ini termasuk penempatan Stesen Cuaca Bantu Automatik (Automated Auxiliary Weather Stations - AAWS) tambahan di bawah inisiatif Pengurusan Mampan Ekosistem Tanah Gambut di Malaysia (Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia, SMPEM GEF-IFAD), cadangan penubuhan sistem sandaran FDRS menjelang 2027 untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan, dan perancangan kerjasama dengan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASEAN Specialised Meteorological Centre, ASMC) dan Pusat Penyelidikan Iklim Singapura (Centre for Climate Research, CCRS) untuk menyokong pembangunan Indeks Cuaca Kebakaran (Fire Weather Indices, FWI) masa hadapan bagi SEA FDRS sehingga tahun 2100.

Mesyuarat mengambil maklum laporan oleh Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-Menteri Sub-Serantau Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (MSC Ke-26) dan Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri Sub-Rantau mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan di Sub-Rantau Mekong (MSC Mekong) dalam mengesahkan semula komitmen mereka untuk menangani isu-isu khusus berkaitan jerebu yang berlaku di rantau masing-masing. Mesyuarat - mesyuarat itu mengucapkan tahniah atas kejayaan Mesyuarat MSC Ke-26 di Brunei Darussalam, pada Julai 2025, dan menantikan penganjuran Mesyuarat MSC Mekong Ke-14 di Lao PDR, pada November 2025, sebagai persediaan untuk musim kemarau yang akan datang.

Mesyuarat mengambil maklum mengenai dialog berterusan antara ASEAN dan rakan-rakan kongsi mengenai alam sekitar, perubahan iklim, dan isu-isu alam sekitar yang *cross-cutting*, dalam Dialog ASEAN-Jepun mengenai Kerjasama Alam Sekitar, Dialog ASEAN-Republik Korea mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-AS mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, serta Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Plus Three mengenai Alam Sekitar, yang telah diadakan pada 30 hingga 31 Julai 2025, di Langkawi, Malaysia.

Mesyuarat telah mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawat dari Jepun, negara-negara Plus Three (Republik Rakyat China, Jepun, dan Republik Korea), dan Kesatuan Eropah dalam Dialog Peringkat Menteri ASEAN-Jepun mengenai Kerjasama Alam Sekitar, Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN Plus Three, dan Dialog Peringkat Menteri ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, untuk mengkaji semula aktiviti semasa dan membincangkan kerjasama strategik masa hadapan mengenai biodiversiti, perubahan iklim, pendidikan alam sekitar, sains dan teknologi alam sekitar, bandar yang mampan alam sekitar, sumber air dan serpihan plastik marin, antara lainnya.

Sebelum Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-EU Pertama mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menghadiri Acara Sampingan Bersama EU-ASEAN: Memajukan Perlindungan Biodiversiti dan Penetapan Harga Karbon untuk Kelestarian, di mana beliau menyampaikan ucapan alu-aluan dalam kapasitinya sebagai penyelaras negara (*country coordinator*).

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan bahawa krisis kembar perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti adalah cabaran mendesak bagi rantau ini, yang menjejaskan masyarakat melalui peningkatan suhu, cuaca ekstrem yang lebih kerap, dan kemerosotan ekosistem.

Yang Berhormat menyatakan bahawa isu-isu yang kompleks dan saling berkaitan ini memerlukan tindakan kolektif, kerana tiada satu negara pun yang boleh menanganinya secara bersendirian. Yang Berhormat menekankan bahawa acara sampingan ini menyediakan platform yang berharga untuk Negara-negara Anggota ASEAN bertukar pengalaman dengan Kesatuan Eropah, rakan kongsi yang telah lama bekerjasama dengan ASEAN.

Yang Berhormat juga merakamkan penghargaan atas sokongan EU dalam tindakan iklim melalui program seperti Program Tindakan Iklim EU-Jerman dan sokongan terhadap Pusat Perubahan Iklim ASEAN baharu di NBD. Yang Berhormat juga mengesahkan bahawa perlindungan biodiversiti adalah keutamaan nasional bagi NBD, dengan hutan meliputi 72 peratus daripada kawasan daratannya.

Yang Berhormat turut berkongsi bahawa NBD telah menetapkan sasaran perubahan iklim kebangsaan, termasuk matlamat untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus menjelang 2030, dan sedang giat meneroka kebolehlaksanaan pasaran karbon dan penetapan harga karbon sebagai kaedah untuk dekarbonisasi (*decarbonization*).

Mesyuarat mengalu-alukan Kenyataan Bersama mengenai Perkongsian Saling Menguntungkan ASEAN-Jepun dalam Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi Merealisasikan Pertumbuhan Baharu dan Inisiatif Kerjasama ASEAN-Jepun yang diperluaskan: Program Strategik bagi Iklim dan Alam Sekitar ASEAN (SPACE).

Mesyuarat menyambut baik Program Kerja ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim 2025-2026, serta kemajuan pembangunan Rangka Kerja Strategi dan Pelan Tindakan Kerjasama Alam Sekitar ASEAN-China 2026-2030 dan telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar Bersama mengenai Dialog Peringkat Menteri ASEAN-EU yang pertama mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Mesyuarat bersetuju untuk bertemu lagi di Republik Sosialis Viet Nam, pada tahun 2026, bagi Mesyuarat Persidangan Pihak-pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-21, dan di Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar, pada tahun 2027, bagi Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-19 dan Mesyuarat Persidangan Pihak-pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-22.

PELITA BRUNEI

# PENGANUGERAHAN BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DYMM



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa sesi bergambar ramai bersama para penerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Skim Biasiswa Ke Luar Negeri di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Skim Biasiswa Khas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diikat janji sebagai pendidik di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi sesi 2025/2026.**

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 3 September. - Seramai 51 pelajar telah menerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Skim Biasiswa Ke Luar Negeri di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk empat pelajar yang dianugerahkan Skim Biasiswa Khas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diikat janji sebagai pendidik di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi sesi 2025/2026.

Sementara itu, seramai 20 pelajar di peringkat menengah dan 20 pelajar di peringkat Pra-Universiti juga telah dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri ke Sekolah-sekolah Antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa pada hari ini telah mengadakan Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM bagi pelajar-pelajar di bawah Skim Biasiswa Ke Luar Negeri yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi-institusi luar negara serta Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri untuk mengikuti pengajian ke peringkat menengah dan Pra-Universiti di Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS) dan Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) bagi sesi akademik 2025/2026.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Banquet, Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penganugerahan berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim selaku Pengerusi Majlis.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, wakil agensi-agensi kerajaan dan Sekolah-sekolah Antarabangsa serta para ibu bapa dan penjaga pelajar.

# MTIC teruskan semarak Dikir Maulud

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Dikir Maulud yang diadakan di Surau Istana Nurul Iman bersama pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 September. - Majlis Dikir Maulud bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman diteruskan lagi bagi malam ke-12 bertempat di Surau Istana Nurul Iman bersama pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), malam tadi.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Turut serta dalam majlis di bahagian lelaki ialah pegawai-pegawai dari MTIC, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen Meragang dan Majlis Perundingan Kampung Perumahan Negara Meragang, Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Kampung Lumapas dan Jabatan Pengajian Islam (JPI) Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IV).

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dipimpin oleh mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohammad Rudzaini bin Haji Mohamad.

Seterusnya, tazkirah agama bertajuk 'Akhir Hayat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Persembahan dikir dimulakan dengan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal, diikuti Dikir Khairuman, Bisyahrin, Al-Hamdu serta Badat. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, majlis seumpamanya turut berlangsung di Surau Kecil Istana Nurul Iman yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari MTIC, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Muslimah Masjid Kampung Limau Manis dan JPI Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IV).

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipimpin oleh mahasiswi KUPU SB, Hajah Rahmah binti Ali. Manakala Ceramah Agama bertajuk 'Sirah Nabi : Kewafatan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama PDI, Dayang Dr. Norhazerah binti Baha.

# Penerima biasiswa tandatangani perjanjian

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 3 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa pada hari ini telah mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi 51 pelajar yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Biasiswa Ke Luar Negeri di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk empat pelajar yang dianugerahkan Skim Biasiswa Khas Kerajaan Kebawah DYMM, yang diikat janji sebagai pendidik di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi sesi 2025/2026 bertempat di Dewan Banquet, Majlis Mesyuarat Negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian berkenaan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM, Pemangku Pengarah, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Manakala, para penerima menandatangani perjanjian berkenaan ditemani oleh dua orang penjamin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh sebelum diteruskan dengan acara menandatangani borang perjanjian oleh semua penerima anugerah biasiswa berkenaan.



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian berkenaan.**

# MAJLIS DIKIR 12 MALAM BERAKHIR

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah





**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud (atas). Manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD) Kampung Manggis / Madang.**

**MANGGIS / MADANG**, Khamis, 4 September. - Dikir Syarafil Anam yang bergema di seluruh masjid, surau dan balai ibadah selama 12 malam berturut-turut sempena memperingati hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah sampai di kemuncak dengan Majlis Penutup Dikir Maulud.

Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD) Kampung Manggis / Madang telah mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, malam tadi.

Sambutan ini bertujuan untuk memperkukuhkan rasa cinta umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan melalui zikir, selawat dan puji-pujian kepada Baginda.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid, yang juga turut sama menyertai jemaah membaca Dikir Maulud dan selawat beramai-ramai.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam MSSBRPAD, Awang Nuzli bin Haji Jumat. Majlis kemudian diserikan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam oleh Kumpulan Dikir Jawatankuasa Takmir Masjid dan Muslimah MSSBRPAD. Turut menyerikan Majlis Penutup Dikir Maulud ialah pendikir jemputan dari Kumpulan Warisan.

Untuk memberkati majlis, Imam MSSBRPAD, Awang Mohd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani memimpin bacaan Doa Khas sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain itu, Doa Khas tersebut memohon keberkatan, kesejahteraan serta semangat persaudaraan sesama umat Islam khususnya penduduk kampung.

Dengan adanya majlis seumpama ini adalah diharapkan akan terus menjadi amalan tahunan demi memperkukuh syiar Islam serta menghidupkan semangat kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan masyarakat.

## Majlis penutup dikir di Istana Nurul Iman

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

>> Muka 12

Sejurus selepas itu, Dikir Syarafil Anam, iaitu Dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin dan Badat dibawakan oleh Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Yang Mulia Begawan-begawan Mudim.

Majlis Berdikir diteruskan dengan Dikir Marhaban. Apabila sampai kepada bacaan 'Ya Habibi', sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan oleh Pasukan Tembak Meriam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Manakala, Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon, sementara Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir pada majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah ABDB dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei yang bersara, Naib-naib Canselor universiti-universiti Brunei Darussalam, sebahagian Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.

# Persembahan Bercorak Keagamaan sempena Maulidur Rasul diteruskan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman





**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir pada majlis berkenaan (kanan), manakala gambar kiri, sebahagian daripada jemaah wanita yang hadir di Surau Perempuan Istana Nurul Iman.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 September. - Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman diteruskan lagi bagi malam ke-11, malam tadi bertempat di Surau Istana Nurul Iman bersama pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut serta dalam majlis di bahagian lelaki ialah pegawai-pegawai dari KKBS, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong, Kumpulan Belia Masjid Omar 'Ali Saifuddien, dan warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dipimpin oleh mahasiswa KUPU SB, Awang Mohammad Syahrolldennie bin Juni.

Seterusnya, tazkirah agama bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Persembahan dikir dimulakan dengan Dikir Assalamualaika dan Asyraqal, diikuti Dikir Khairuman, Bisyahrin, Al-Hamdu serta Badat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, majlis seumpamanya turut berlangsung di Surau Perempuan Istana Nurul Iman yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari serta warga wanita KKBS, Pertubuhan WARGAMAS, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dan warga KUPU SB.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipimpin oleh mahasiswi KUPU SB, Dayang Norliza binti Abd. Jalil, manakala ceramah agama bertajuk 'Dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Secara Rahsia' disampaikan oleh Dayang Roswati binti Zainal dari PDI.

# NBD - MALAYSIA MEMETERAI MOU MEMPERKUKUH KERJASAMA BIDANG TENAGA

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri**

**KUCHING, SARAWAK**, Rabu, 3 September. - Penandatanganan dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Sarawak, Malaysia mengenai kerjasama tenaga telah berlangsung hari ini semasa Majlis Pembukaan Rasmi Sustainable and Renewable Energy Forum 4.0 (SAREF 4.0), bertempat di Pusat Konvensyen Borneo Kuching.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa majlis pembukaan berkenaan, Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Dato Seri Setia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; manakala Kerajaan Sarawak, Malaysia diwakili oleh Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) di Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Yang Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Haji Baki.

MoU berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang tenaga dan dihasratkan untuk berperanan sebagai kerangka yang menyeluruh dalam memperluaskan kerjasama pada masa hadapan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Negeri Sarawak. Ia antara lain merangkumi kerjasama aktiviti-aktiviti berkaitan minyak dan gas, tenaga elektrik, peralihan tenaga serta aktiviti-aktiviti lain yang dipersetujui bersama.



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut pada Majlis Pembukaan Rasmi Sustainable and Renewable Energy Forum 4.0 (SAREF 4.0).**

Usaha berterusan dalam memperluaskan skop kerjasama tenaga di antara NBD dan Negeri Sarawak turut diketengahkan dalam Kenyataan Bersama berikutan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-26 (26th ALC) di antara NBD dan Malaysia di antara Kebawah DYMM dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang telah diadakan pada 27 Ogos 2025 di Putrajaya, Malaysia.

Penandatanganan dan pertukaran MoU berkenaan memperkukuh lagi peranan sektor tenaga sebagai salah satu tonggak penting kerjasama strategik dan juga mencerminkan komitmen bersama dalam meningkatkan pembangunan mampan, keterjaminan tenaga dan kesalinghubungan serantau.

# Kementerian Pertahanan terus memperkukuh hubungan diplomat erat bersama China

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**BEIJING**, Khamis, 4 September. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan telah mengetuai delegasi sebagai wakil daripada Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri Ulang Tahun Ke-80 Kemenangan Perang Rakyat China Menentang Pencerobohan Jepun dan Perang Anti-Fasis Dunia yang diadakan di Dataran Tiananmen, Beijing, Republik Rakyat China, baru-baru ini.

Rombongan Kementerian Pertahanan ke upacara tersebut disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.

Acara dimulakan dengan Perbarisan Ketenteraan yang diadakan di Dataran Tiananmen dan diikuti dengan ucapan rasmi daripada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Xi Jinping.

Sejurus itu, Pemerintah ABDB bersama-sama pemimpin parti, pemimpin negeri dan kerajaan terkemuka menghadiri Majlis Resepsi dan Persembahan Gala yang dihoskan Dewan Bankuet Dewan Besar Rakyat.

Acara ini turut dihadiri 26 ketua-ketua negara dan kerajaan asing, speaker parlimen, timbalan-timbalan perdana menteri, perwakilan-perwakilan peringkat tertinggi kerajaan, ketua-ketua pertubuhan antarabangsa, dan orang-orang kenamaan.

Republik Rakyat China menyambut Hari Kemenangan pada setiap tanggal 3 September sebagai tanda memperingati Penyerahan Jepun dan berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Acara yang bersejarah ini bertujuan untuk menghormati pengorbanan yang dilakukan oleh Rakyat China dalam jangka masa 14 tahun berperang menentang pencerobohan Jepun, memperingati mereka yang telah terkorban dalam perjuangan, mempromosikan keamanan dan memupuk patriotisme.

Kemenangan Republik Rakyat China menandakan detik penting yang menyumbang kepada kejayaan global ke atas fasisme.

Kehadiran Kementerian Pertahanan NBD melambangkan hubungan diplomatik yang erat antara kedua-dua negara yang telah wujud sejak 1991.



**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa mengetuai delegasi sebagai wakil Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Ulang Tahun Ke-80 Kemenangan Perang Rakyat China Menentang Pencerobohan Jepun dan Perang Anti-Fasis Dunia.**

# Dikir Syarafil Anam PPDB berakhir dengan Majlis Penutup

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**





**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Surau Polis Gadong (kanan). Manakala gambar atas kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.**

**GADONG**, Jumaat, 5 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) malam tadi mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Surau Polis Gadong, di sini.

Majlis Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini telah berlangsung selama 11 malam berturut-turut bermula dari 1 Rabiulawal 1447 Hijrah, yang mana merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang dikendalikan setiap tahun oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir ialah pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, kakitangan serta anggota PPDB.

Acara dimulakan dengan sembahyang fardu Maghrib yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohamad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis diteruskan dengan bacaan dikir beramai-ramai oleh para hadirin, seterusnya diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Dengan mengadakan majlis seumpama ini, masyarakat dapat menzahirkan kecintaan dan penghormatan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Selain memperkukuh ukhuwah dan semangat keagamaan, ia juga mendidik umat Islam untuk lebih memahami sirah dan sunnah nabi bagi dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Business Enactment Act Section 16 & 17**

**Kelas & Kategori:**
Business Enactment Act Section 16 & 17

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
16 September 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Oktober 2025
Walaupun teknologi hijau membawa banyak manfaat, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi. Antaranya ialah kos permulaan yang tinggi. Sebagai contoh, pemasangan panel solar atau pembangunan bangunan hijau memerlukan kos awal yang besar, menyebabkan sesetengah pihak kurang berminat. Cabaran lain ialah kurangnya kesedaran di kalangan orang ramai mengenai kepentingan teknologi hijau. Ramai orang masih belum faham sepenuhnya tentang kepentingan teknologi hijau, lalu lebih selesa menggunakan kaedah dan beberapa tempat terutamanya di negara yang masih membangun, mereka belum mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk melaksanakan teknologi hijau secara meluas.

Teknologi hijau bukanlah sekadar trend atau pilihan sampingan, sebaliknya ia merupakan keperluan yang sangat penting dalam usaha kita memastikan alam sekitar terjaga dan alam semula jadi boleh dinikmati bersama dan dinikmati oleh generasi seterusnya. Dengan mengaplikasikan teknologi hijau, kita dapat menyeimbangkan keperluan pembangunan ekonomi dengan pemeliharaan alam sekitar. Masa depan yang lestari bergantung kepada tindakan kita hari ini. Justeru, marilah kita bersama-sama menyokong teknologi hijau demi kesejahteraan generasi kini dan generasi akan datang.





# Maulidur Rasul dekatkan umat, cinta kasih kepada Nabi

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Foto : Jabatan Penerangan**

UMAT Islam di seluruh dunia akan memperingati hari kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu yang dikenali sebagai Maulidur Rasul yang disambut atau diraikan pada setiap 12 Rabiulawal bulan Hijrah. Kita di Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda dengan berbagai-bagai acara keagamaan yang dirancang dan dijalankan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid seluruh negara, majlis ceramah agama, forum dan acara kemuncak perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara.

Semuanya itu kita adakan sebagai tanda kasih terhadap Baginda Rasulullah. Ia juga untuk menambahkan penghayatan beragama serta mensyiarkan kemuliaan Islam sebagai agama yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan telah kita daulatkan menjadi agama rasmi negara.

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita selaku umat yang beriman supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut sunnah yang dibawanya. Salah satu antara cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Rasulullah ialah dengan memperbanyakkan selawat. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam kitab suci Al-Quran Surah Al-Ahzab, ayat 56 :

**Tafsirnya** : "*Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kepada-Nya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan*".

Selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Baginda itu adalah bererti rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selawat daripada malaikat bererti doa dan memohon keampunan untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa-doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda. Sesungguhnya selawat adalah doa-doa yang merupakan sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar Baginda selalu mendapat limpah rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Maka dengan itu berselawatlah dengan niat yang ikhlas dan janganlah berselawat hanya semata-mata untuk meraih kelebihan-kelebihan yang akan diperoleh.

Pada tahun ini, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah bertemakan 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' dan dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sehubungan itu, bagi memperingati akan kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, NBD menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H secara besar-besaran dengan perhimpunan dan perarakan serentak di keempat-empat daerah pada Sabtu, 6 September 2025M bersamaan 13 Rabiulawal 1447H dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, mulai pukul 7.00 pagi.

Bagi Daerah Belait pula, berlangsung di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, manakala Daerah Tutong diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan Daerah Temburong, di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Bagi negara kita, Sambutan Maulidur Rasul dapat bertahan dengan baik dan masih giat diteruskan dari generasi ke generasi seterusnya sebagai menunjukkan keyakinan yang kuat dalam kalangan generasi Islam.

### Sejarah kelahiran Baginda dan kegemilangan tamadun

Baginda dilahirkan pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan 20 April 571 di Mekah, berhijrah dan wafat dalam bulan yang sama. Pendeknya Baginda memulai kehidupan dan mengakhirinya dalam bulan yang sama. Sebab itulah kaitan Rabiulawal dengan Baginda sangat istimewa.

Kelahiran Baginda menjadi rahmat bagi seluruh alam. Bahkan Baginda dikenali sebagai berperibadi yang jujur, amanah, penuh kasih sayang dan menjadi teladan umat manusia. Malahan kelahiran Baginda bukan sahaja memancarkan cahaya kegembiraan kaum Muslimin, malah seluruh alam maya turut bergembira dengan kelahirannya.

Kita mengetahui sirah kelahiran dan kenabian Junjungan Besar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suatu catatan peristiwa agung penuh pengajaran dan iktibar. Kesusahan dilalui sepanjang kehidupannya nyata memberikan suatu kesinambungan terhadap kegemilangan tamadun Islam sepanjang zaman.

Ternyata dengan kekentalan dan ketinggian peribadi Baginda adalah hasil daripada tarbiah *ruhiyyah* dan *jasadiyyah* yang diasaskan kesungguhan kedua ibu bapanya. Ketabahan ibunya Siti Aminah menghadapi saat getir sebagai ibu tunggal selepas suaminya wafat memberikan contoh dan teladan secara langsung kepada Baginda dalam menghadapi detik sukar serta menyedihkan.

Justeru, ketabahan itu diterjemahkan ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghadapi kematian dua insan tersayang iaitu isterinya Saidatina Khadijah dan bapa saudaranya Abu Talib dengan tabah.

### Kecintaan terhadap Nabi Junjungan

Maulidur Rasul bukanlah sekadar perayaan tahunan, bahkan ia kesempatan untuk memperbaharui kecintaan kita kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setiap kali dirai, ia menjadi jambatan untuk menyemai kasih, memperteguh iman, dan mempererat ukhuwah sesama insan.

### Makna Maulidur Rasul bagi umat Islam

Makna Maulidur Rasul bagi umat Islam bukan sekadar acara dalam meraikannya, tetapi ia merupakan momentum untuk meneladani perjuangan Rasulullah dalam menegakkan tauhid, menyebarkan dakwah Islam, serta membangun persaudaraan di tengah-tengah masyarakat. Selain umat Islam juga dianjurkan untuk menghidupkan sunnah Nabi, menjaga dan memperkuat iman, serta meningkatkan kepedulian sosial sebagai bentuk kecintaan kepada Rasulullah.

Selain itu, dengan memperbanyakkan lagi wadah-wadah tertentu seperti tazkirah, syarahan atau ceramah dakwah sepanjang Sambutan Maulidur Rasul ini ia juga mempunyai banyak kelebihan yang kita ketahui tentang Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya kisah hidup, perjuangan dan contoh-contoh yang ditunjukkan Baginda.

Pada kesimpulannya, Majlis Maulud Nabi adalah perkara baik yang dapat mendekatkan masyarakat dan individu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, satu wadah berkesan yang membolehkan umat zaman sekarang mengenali diri, kisah peribadi dan perjuangan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyampaikan Islam.



# PELBAGAI PENDEKATAN DALAM MELAHIRKAN GRADUAN BERKUALITI



**DAYANG Hajah Nur Hamizah binti Haji Abd. Hamid, pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Sains dan Teknologi Makanan bergambar ramai bersama keluarga beliau.**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Rabu, 3 September. - Usaha adalah tangga kejayaan, namun ia juga disertai dengan pengorbanan, suka duka, tangis dan tawa. Berjaya menggenggam segulung ijazah bagi para mahasiswa dan mahasiswi merupakan pencapaian yang sangat besar kerana menara gading yang didaki sekian lama akhirnya sampai di kemuncak apabila nama-nama mereka diumumkan sebagai penerima ijazah dan bergelar graduan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Beberapa graduan yang ditemui semasa Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-13 bagi Tahun 2025 hari ini berkongsi detik kenangan, usaha serta pengalaman mereka sepanjang beberapa tahun berjuang demi kejayaan, yang akan melakar memori terindah dalam perjalanan akademik masing-masing.

Dayang Nur Syamimi Syahirah binti Haji Shuib, graduan Ijazah Sarjana Muda Perhubungan, mengambil masa tiga tahun untuk menamatkan pengajian. Dalam tahun akhir pengajian, beliau telah menghasilkan Projek Tahun Akhir (FYP) bertajuk 'Communicating Orangutan Conservation Efforts to Young People'.

Menurut beliau, projek tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran generasi muda tentang kepentingan memelihara orang utan, yang kini berdepan ancaman kepupusan akibat kemusnahan habitat dan aktiviti manusia. Beliau memilih tajuk ini kerana percaya golongan muda memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej pemuliharaan.

Sebagai sebahagian daripada kajiannya, beliau menjalankan sesi perbincangan kumpulan berfokus bersama belia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia untuk mendapatkan pandangan tentang tahap kesedaran, sikap dan peranan mereka dalam pemuliharaan orang utan. Pendekatan ini membolehkan beliau membandingkan dapatan kedua-dua negara dan memahami persamaan serta perbezaan persepsi mereka terhadap isu tersebut.



**AWANG Sumardi Marsal bergambar bersama keluarga beliau (atas), manakala gambar bawah, Awang Mohammad Iqbal Rezza bin Abd. Rahim, graduan Sarjana Senibina (Master in Architecture) mengabdikan kejayaan bersama keluarga.**



Beliau berharap usaha ini dapat membuka mata masyarakat, khususnya anak muda, mengenai kepentingan melindungi spesies ini demi keseimbangan ekosistem dan masa depan alam sekitar. Tambahnya lagi, walaupun jurusan komunikasi merupakan antara jurusan baharu di UTB, namun ia sangat relevan dengan keperluan semasa kerana komunikasi memainkan peranan penting dalam semua bidang sama ada sektor awam, swasta mahupun komuniti.

Sepanjang pengajian, beliau turut diberi peluang menjalani ExperiencePLUS Internship di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang sebagai pembantu penyelidik. Pengalaman ini membuka ruang untuk beliau keluar dari zon selesa, hidup berdikari tanpa keluarga serta membina keyakinan diri. Katanya lagi, latihan tersebut memperkukuh kemahiran komunikasi, pengurusan masa dan memberi pendedahan secara langsung terhadap dunia penyelidikan yang sangat berguna untuk pembangunan akademik serta profesional.

Perancangan seterusnya, beliau bercadang mencari pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian demi membina pengalaman dan mengembangkan kemahiran secara praktikal. Dalam masa yang sama, beliau juga mempertimbangkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana kerana percaya bahawa proses menuntut ilmu tidak seharusnya terhenti.

Sementara itu, Dayang Nur Nazurah Haziqah binti Salman, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kewangan Matematik, melahirkan rasa gembira dan teruja apabila berjaya memperoleh Kepujian Kelas Pertama.

Bagi beliau, kejayaan ini hadir dengan usaha gigih dan iltizam yang kukuh. Dalam tahun akhir pengajian, beliau melaksanakan FYP bertajuk 'Oil Prices and Economic Growth in Brunei : An Empirical Investigation Using ARDL and NARDL Approaches'. Projek ini dijalankan semasa beliau mengikuti Program ExperiencePLUS di Universiti Sains Malaysia.

Beliau menjelaskan, kursus yang diikuti amat signifikan kerana menggabungkan tiga aspek penting iaitu matematik, kewangan dan ekonomi. Ia bukan sahaja membekalkan kemahiran analitik yang mantap, malah melatih beliau membuat keputusan berasaskan data, sesuatu yang relevan dengan perkembangan sektor kewangan dan ekonomi negara.

Selepas menamatkan pengajian, beliau merancang menceburi kerjaya dalam bidang kewangan atau perbankan, khususnya dalam analisis kewangan dan pengurusan risiko. Dalam jangka panjang, beliau merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Bagi Awang Aiman bin Roslan, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Reka Bentuk Produk, pengalaman tiga





**DAYANG Nur Nazurah Haziqah binti Salman graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Bidang Kewangan Matematik (atas sekali). Manakala gambar atas, Dayang Nur Syamimi Syahirah binti Haji Shuib, graduan Ijazah Sarjana Muda Perhubungan.**

tahun di UTB memberinya peluang menghasilkan Capstone Project berupa reka bentuk lengan prostetik yang menekankan aspek kebolehgunaan, kos efektif dan keselesaan pengguna.

Projek tersebut turut melibatkan kajian literatur, soal selidik serta pembangunan prototaip yang menggabungkan elemen teknikal dengan keperluan pengguna sebenar. Menurut beliau, kursus ini signifikan kerana memberikan asas kukuh dalam bidang reka bentuk dan kejuruteraan, selain melatih kemahiran analitikal serta penyelesaian masalah yang penting untuk kerjaya profesional.

Antara pengalaman berharga beliau ialah menghasilkan pesambah untuk universiti dan menyertai Program ExperiencePLUS di Turkiye. Kedua-dua pengalaman ini memberinya peluang mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar, memperluas pengetahuan budaya, serta membina kemahiran komunikasi dan kerjasama antarabangsa.

Awang Mohammad Iqbal Rezza bin Abd. Rahim, graduan Ijazah Sarjana Senibina (Master in Architecture) turut berkongsi pengalaman manis sepanjang pengajian, terutamanya melalui tugasan yang melibatkan bimbingan pensyarah yang sentiasa menyokong serta memberi semangat.

Beliau bercadang untuk menjadi seorang Qualified Person (QP) atau arkitek berdaftar di NBD, di samping berharap agar Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS) dapat mengiktiraf Kursus Master in Architecture di negara ini secepat mungkin.

>> Muka 30



**AWANG Aiman bin Roslan, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Reka Bentuk Produk.**

# Pelbagai pendekatan dalam melahirkan graduan berkualiti

>> Muka 29

Sementara itu, Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Abd. Hamid, pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Sains dan Teknologi Makanan, mengambil masa lima tahun untuk menamatkan pengajian. Penyelidikannya memfokuskan kepada pembangunan produk berasaskan daging menggunakan bahan semula jadi bagi meningkatkan kualiti makanan dan jangka hayat tanpa menjejaskan rasa serta keselamatan.

Katanya, beliau percaya dapat menyumbang kepada peningkatan industri makanan negara melalui inovasi produk, penambahbaikan piawaian keselamatan makanan, serta menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan. Pengetahuan tersebut juga dapat membantu PKS tempatan mengamalkan teknik pemprosesan lebih baik, menambah nilai produk makanan, sekali gus menjadikannya berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Tambahnya, pengalaman berharga sepanjang pengajian PhD termasuk membimbing pelajar, bekerjasama dengan industri makanan, serta membentangkan kajian di persidangan antarabangsa yang membuka peluang jaringan global. Beliau merancang untuk terus menyumbangkan ilmu melalui penyelidikan, inovasi, dan kerjasama dengan pihak berkepentingan demi menyokong keselamatan makanan negara serta Wawasan Brunei 2035.

Seorang lagi graduan, Awang Sumardi bin Marsal, pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian) dalam Pengurusan Maklumat Perdagangan, berkongsi pengalaman mengharungi cabaran sebagai mahasiswa separuh masa. Menurutnya, keseimbangan masa antara kerjaya sebagai kerjaya dan tugasan akademik bukanlah perkara mudah, namun dengan disiplin dan pengurusan masa yang mantap menjadi kunci kejayaan.

FYP beliau bertajuk 'Bruneian Attitudes toward Sembada188 Rice in Brunei Darussalam : A Quantitative Approach', yang bertujuan mendapatkan pandangan masyarakat tempatan mengenai Beras Sembada188. Kajian ini membantu memahami tingkah laku pengguna dan mengenal pasti peluang mempromosikan kelestarian produk pertanian di NBD.

Beliau menegaskan kursus yang diikuti membekalkan graduan dengan kemahiran analisis dan komunikasi strategik yang penting untuk bidang perhubungan awam. Hasratnya seterusnya ialah melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, di samping terus mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk memperkukuh kerjaya dalam komunikasi strategik dan pengurusan maklumat.

# WASPADA TAKTIK PENIPUAN SALAHGUNAKAN MATA WANG NBD

**PENIPU sering menyalahgunakan imej dan video mata wang Brunei untuk menimbulkan keyakinan palsu dan memperdayakan orang ramai untuk menyertai skim mereka.**




Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengambil perhatian mengenai aktiviti penipuan kewangan yang sedang beredar di media sosial.

Penipuan ini melibatkan video dan gambar yang memaparkan timbunan mata wang Brunei, dan menjanjikan bahawa orang ramai boleh mendapat 'pulangan' yang besar dengan menyertai sesi siaran langsung secara dalam talian.

Taktik ini bertujuan untuk mengelirukan orang ramai dengan mewujudkan harapan palsu mengenai keuntungan kewangan yang mudah dan terjamin.

BDCB mengingatkan orang ramai bahawa janji-janji sedemikian adalah tidak sah. Tiada skim yang dapat menjaminkan keuntungan tanpa usaha, risiko atau penjelasan yang jelas.

Penipu sering menyalahgunakan imej dan video mata wang Brunei untuk menimbulkan keyakinan palsu dan memperdayakan orang ramai untuk menyertai skim mereka.

BDCB menasihatkan orang ramai untuk berwaspada terhadap tawaran yang indah khabar dari rupa; tidak sesekali berkongsi maklumat peribadi atau kewangan dengan akaun yang meragukan dan sentiasa melaporkan aktiviti penipuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen.

Orang ramai juga boleh memaklumkan pihak BDCB mengenai sebarang entiti/individu yang disyaki menawarkan perkhidmatan kewangan tanpa lesen dengan menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di talian +673 8380007 atau e-mel *fci@bdcb.gov.bn*.

BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.

# Sedia sumbang bakti kepada negara

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 September. - Mendapatkan anugerah biasiswa merupakan satu kenangan manis dan berharga bagi setiap penerimanya apatah lagi ia diperoleh atas usaha dan kesungguhan bertahun - tahun dalam menempuhi pelbagai cabaran serta rintangan.

Seperti tahun sebelumnya, Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pelajar-pelajar merupakan detik yang ditunggu-tunggu bukan sahaja bagi para pelajar tetapi juga bagi orang tua dan keluarga mereka yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pembelajaran anak-anak mereka.

Semasa ditemui pihak Pelita Brunei pada Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi pelajar-pelajar di bawah Skim Biasiswa Ke Luar Negeri yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi-institusi luar negara serta Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri untuk mengikuti pengajian ke peringkat menengah dan Pra-Universiti di Jerudong (Jerudong International School-JIS) dan Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei-ISB) bagi sesi akademik 2025/2026, salah seorang penerima anugerah biasiswa yang diraikan pada majlis berkenaan, iaitu Awang Ayden Chung Xun Wang yang akan meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan LLB Law di University of Bristol menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah DYMM kerana terpilih daripada antara ramai pemohon.

"Biasiswa ini merupakan satu penghargaan yang amat besar kepada diri saya dan berasa sangat bertuah menerimanya.

"Saya juga menganggap biasiswa ini sebagai satu anugerah kepada ibu bapa dan keluarga saya kerana perjalanan serta usaha saya tidak akan berjaya tanpa sokongan serta bimbingan daripada mereka.

"Biasiswa ini juga amat bermakna kerana dengannya saya akan membuktikan bahawa segala pengorbanan dan kerja keras saya selama ini akan saya pastikan dapat menghasilkan kejayaan yang cemerlang demi negara dan mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035," tambahnya lagi.





**AWANG Ayden Chung Xun Wang dan Dayang Nur Delisha Adriana binti Sahminan semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

Menyentuh mengenai harapannya pada masa hadapan, Awang Ayden Chung Xun Wang selanjutnya mengongsikan tekad dan beriltizam untuk belajar dengan bersungguh - sungguh di samping menjadi duta kecil semasa beliau melanjutkan pelajaran di University of Bristol nanti.

"Saya akan memastikan sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berguna dan juga berhasrat untuk mengambil modul-modul pilihan yang berfokuskan kepada undang - undang antarabangsa kerana saya ingin berkhidmat dengan kerajaan, sama ada di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ataupun di Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Pejabat Peguam Negara," jelasnya lagi.

Sementara itu, bagi Dayang Nur Delisha Adriana binti Sahminan yang merupakan salah seorang penerima biasiswa ke JIS turut mengongsikan perasaannya setelah mengetahui dirinya terpilih bagi menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian di JIS.

"Semasa mengetahui saya terpilih, saya berasa gembira dan terkejut kerana biasiswa ini sangat bermakna bagi saya kerana ia bukan sahaja memberi peluang untuk meneruskan pelajaran tanpa beban kewangan, tetapi juga merupakan suatu penghargaan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar.

"Sebagai penerima biasiswa ini, harapan saya adalah untuk menamatkan pelajaran saya dengan cemerlang serta membina kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.

"Pada masa hadapan, saya ingin membimbing generasi muda melalui perkongsian ilmu, latihan dan bimbingan serta menjadi individu berakhlak mulia yang mencerminkan nilai murni rakyat negara," jelas pelajar Tahun 8 itu lagi.

BERITA GLOBAL

# RWANDA - CRBC REPUBLIK RAKYAT CHINA LANCAR TEKSI UDARA

**KIGALI**, 5 Sept. - Rwanda dan Republik Rakyat China Road and Bridge Corporation (CRBC) telah bekerjasama untuk melancarkan penerbangan awam pertama Afrika bagi teksi udara elektrik tanpa pemandu di negara itu, kata Kerajaan Rwanda.

Inisiatif itu mengukuhkan kedudukan Rwanda sebagai hab Afrika untuk menguji dan melaksanakan teknologi penerbangan termaju, kata Kementerian Infrastruktur Rwanda dalam satu kenyataan pada hari Rabu.

Satu demonstrasi secara langsung pesawat elektrik tanpa pemandu EHang EH216-S (eVTOL) jenis *electric vertical takeoff and landing* (eVTOL) telah diadakan pagi Khamis semasa Sidang Kemuncak Penerbangan Afrika, yang berlangsung dari Khamis hingga Jumaat di Kigali, ibu negara.

Pameran itu bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan dan pengawal selia di seluruh benua dengan kajian kes masa nyata dalam mobiliti udara lanjutan, kata kementerian itu.

Dengan bekerjasama dengan kepakaran kejuruteraan global CRBC, Rwanda menyasarkan untuk membina ekosistem baharu untuk mobiliti udara termaju, teknologi yang direka untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas, menghubungkan komuniti dan mewujudkan pilihan pengangkutan yang mampan, kata kenyataan itu.

"Rwanda sedang giat membina masa depan di mana bandar-bandar kita lebih berhubung dan ekonomi kita lebih dinamik melalui penyelesaian pengangkutan yang inovatif," menurut Menteri Infrastruktur Jimmy Gasore.

"Dengan bekerjasama dalam penerbangan bersejarah ini, kami bukan sahaja mempamerkan masa depan penerbangan tetapi juga menunjukkan dedikasi kami untuk memupuk persekitaran kawal selia yang selamat dan progresif untuk mobiliti udara maju," kata menteri itu.

Rwanda menyasarkan untuk menarik rakan kongsi pelaburan dan teknologi ke pasaran mobiliti udaranya yang baharu muncul, bagi membina kejayaannya dalam merintis perkhidmatan penghantaran dron, menurut pegawai.

EHang, peneraju dunia dalam penyelesaian mobiliti udara bandar, bekerjasama dengan CRBC untuk mengembangkan jejak antarabangsanya, mencapai kejayaan penerbangan Afrika pertama bagi pesawat EH216-S eVTOLnya di Kigali. - ©XINHUA




**FOTO yang diambil pada 4 September 2025 menunjukkan pesawat elektrik tanpa pemandu EHang EH216-S jenis *electric vertical takeoff and landing* (eVTOL) sedang ditunjukkan pada Sidang Kemuncak dan Pameran Penerbangan Afrika ke-9 di Kigali, Rwanda.**

# Xi bertemu Presiden Indonesia

**BEIJING**, 4 Sept. - Presiden China Xi Jinping mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Indonesia, Prabowo Subianto di Dewan Besar Rakyat di Beijing pada petang Rabu.

Lawatan Prabowo ke China bersempena majlis memperingati ulang tahun ke-80 kemenangan Perang Rakyat China Menentang Pencerobohan Jepun dan Perang Anti-Fasis Dunia.

Xi berkata kehadiran pemimpin itu memperlihatkan penghargaannya terhadap hubungan China-Indonesia serta persahabatan antara rakyat kedua-dua negara.

Beliau menegaskan keperluan memperkukuh koordinasi strategik komprehensif dan penyelarasan strategi pembangunan, serta memantapkan lagi hubungan dua hala sehingga menjadi model di peringkat serantau dan global.

Beliau juga berkata mekanisme dialog "2+2" melibatkan menteri luar dan menteri pertahanan perlu dimanfaatkan untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang keselamatan dan pertahanan.

Xi turut menyeru kedua-dua negara mempertingkat usaha sama berorientasikan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), memperluas keterbukaan kepada satu sama lain sambil memperkasa kerjasama membabitkan sumber mineral, ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), pertanian dan perikanan.

Sementara itu, Prabowo menyifatkan hubungan Indonesia-China berada pada tahap terbaik dalam sejarah.

Beliau berkata pihaknya berharap untuk terus memperkukuh kerjasama dengan China dalam bidang perdagangan, pelaburan, kewangan dan infrastruktur, mendorong hubungan dua hala yang membuahkan lebih banyak hasil demi manfaat rakyat, sekali gus menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau. - ©BERNAMA

# Trump mohon Mahkamah Agung buat keputusan segera berhubung tarif

**ISTANBUL**, 3 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Selasa berkata beliau akan memohon Mahkamah Agung supaya membuat keputusan segera bagi membatalkan keputusan mahkamah rayuan yang mendapati sebahagian besar tarif kontroversinya adalah tidak sah, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Jika tarif dimansuhkan, kita boleh menjadi negara dunia ketiga. Kami akan ke Mahkamah Agung, kami fikir esok, kerana kami perlukan keputusan awal," kata Trump kepada wartawan di Rumah Putih, sambil menegaskan "struktur kewangan negara" sedang dipertaruhkan.

"Kami akan memohon supaya diterima lebih awal … Kami akan meminta satu keputusan dipercepatkan," kata beliau.

Trump berkata Amerika Syarikat telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan Korea Selatan, sambil mendakwa negara-negara terbabit membayar AS$950 bilion kepada Washington dan "berpuas hati" dengan perkara itu.

Namun, pengkritik menyifatkan perjanjian itu lebih berupa kerangka berbanding perjanjian penuh, selain menegaskan Trump telah salah menggambarkan sejauh mana AS akan mendapat manfaat daripadanya.

Berhubung usaha membatalkan tarif yang dilaksanakan melalui perintah eksekutif, Trump berkata: "Mereka (pengkritik) langsung tidak ada asas undang-undang untuk mencabarnya, malah dari sudut logik sekali pun, ia akan menghancurkan Amerika".

Trump turut menyatakan bahawa keputusan mahkamah rayuan pada Jumaat lalu menjadi punca kejatuhan pasaran saham AS pada Selasa.

"Pasaran saham jatuh kerana keputusan itu, kerana pasaran memerlukan tarif. Mereka mahu tarif," katanya.

Bagaimanapun, ramai penganalisis menyifatkan ketidakpastian mengenai tarif sebagai punca utama kejatuhan pasaran. Pada Jumaat, Mahkamah Rayuan mendapati Trump tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan sebahagian besar tarif itu.

"Kuasa teras Kongres untuk mengenakan cukai seperti tarif diperuntukkan secara eksklusif kepada badan perundangan oleh Perlembagaan. Tarif adalah kuasa teras Kongres," menurut keputusan mahkamah itu.

Bagi memberi masa kepada pentadbiran Trump memfailkan rayuan ke Mahkamah Agung untuk membatalkan keputusan itu, mahkamah rayuan menangguhkan pelaksanaannya sehingga 14 Okt. - ©BERNAMA

# ASEAN, EU utamakan harga karbon, pembiayaan hijau dalam kerjasama iklim

**LANGKAWI**, 5 Sept. - Penetapan harga karbon dan pembiayaan hijau muncul sebagai keutamaan utama dalam kerjasama ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) mengenai tindakan iklim, ketika kedua-dua pihak berusaha menyelaras kelestarian alam sekitar dengan pertumbuhan ekonomi.

Pesuruhjaya Eropah bagi Iklim, Sifar Bersih dan Pertumbuhan Hijau, Wopke Hoekstra, berkata penetapan harga karbon merupakan antara instrumen paling berkesan untuk mengurangkan pelepasan karbon dan boleh disesuaikan dengan konteks ASEAN, sambil merujuk kepada pengalaman EU selama dua dekad dengan sistem perdagangan pelepasannya (ETS).

"Antara perkara paling berkesan yang boleh dilakukan manusia ialah meletakkan harga pada apa yang kita lepaskan ke udara. Terdapat minat besar di ASEAN untuk bergerak ke arah ini dan rasa kerjasama serta kesatuan itu amat baik," katanya kepada Bernama di luar Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) Ke-18 di sini.

Hoekstra berkata ASEAN boleh mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan matlamat iklim, dengan mencontohi rekod EU yang berjaya mengurangkan pelepasan sebanyak satu pertiga sambil mengembangkan ekonominya sebanyak 70 peratus dalam tempoh dua dekad lalu.

"Ini membuktikan ia boleh dilakukan. Dengan teknologi seperti solar, angin dan geoterma, peluang itu tersedia. Ia bukan sahaja peluang iklim malah peluang kewangan," katanya.

Sementara itu, Pesuruhjaya Eropah bagi Alam Sekitar, Ketahanan Air dan Ekonomi Kitaran Berdaya Saing, Jessika Roswall, menekankan bahawa peralihan hijau dan daya saing harus dilihat sebagai saling melengkapi dan bukannya bercanggah.

"Bagi saya, daya saing dan peralihan hijau tidak bersaing sebaliknya saling melengkapi. Menjadikan perniagaan mampan mengukuhkan ekonomi dan mewujudkan pekerjaan sambil melindungi alam semula jadi," katanya.

Roswall menegaskan keperluan menggerakkan modal swasta di samping pembiayaan awam untuk tindakan terhadap biodiversiti dan iklim, sambil menyatakan bahawa mekanisme inovatif seperti "kredit alam semula jadi" boleh dijadikan alat pembiayaan berpotensi.

"Ia bukan kos tetapi pelaburan. Industri sudah mengiktiraf risiko alam sekitar seperti banjir dan kekurangan air, menjadikan kewangan hijau sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko juga," tambahnya.

Mengenai minyak sawit, Roswall mengakui kepentingannya kepada ASEAN dan menegaskan bahawa memastikan pengeluaran serta penggunaan yang mampan adalah tanggungjawab bersama antara rantau ini dan EU.

"Ia berkaitan kerjasama dalam keterkesanan jejak dan piawaian kemampanan. Penyelesaiannya perlu bersifat global," katanya sambil menambah bahawa beliau akan melawat sebuah ladang di Malaysia semasa lawatannya.

Kedua-dua pesuruhjaya itu menyuarakan keyakinan bahawa ASEAN dan EU boleh memperdalam kerjasama dalam sains iklim, biodiversiti dan ekonomi kitaran, sambil menyifatkan perkongsian ini sebagai penting dalam persekitaran global yang semakin mencabar.

"Peluangnya besar, dan cabarannya dikongsi bersama. Bersama-sama kita boleh mencapai kemajuan yang ketara," kata Hoekstra. - ©BERNAMA

# Undian pemilihan Perdana Menteri Thailand ditetapkan Jumaat

**BANGKOK**, 4 Sept. - Dewan Perwakilan Thailand akan mengundi bagi memilih perdana menteri baharu pada Jumaat susulan pemecatan Paetongtarn Shinawatra minggu lalu.

"Speaker telah menambah agenda khas bagi pemilihan segera perdana menteri di bawah Artikel 159 Perlembagaan," menurut kenyataan Sekretariat Dewan.

Pada Rabu, Parti Bhumjaithai mengemukakan usul kepada Dewan untuk mengadakan undian segera bagi memilih perdana menteri baharu.

Pada hari yang sama, parti pemerintah Pheu Thai pula memohon perkenan diraja untuk membubarkan Parlimen selepas gagal memperoleh majoriti bagi membentuk kerajaan.

Langkah itu dibuat selepas parti pembangkang Parti Rakyat mengumumkan sokongan kepada ketua Bhumjaithai, Anutin Charnvirakul, sebagai perdana menteri serta akan bersama dalam usaha membentuk pentadbiran baharu.

Bagaimanapun, media tempatan melaporkan dekri diraja untuk membubarkan Parlimen yang dikemukakan oleh Perdana Menteri sementara, Phumtham Wechayachai telah dikembalikan oleh Pejabat Majlis Privy atas alasan undang-undang. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# KHEDN MENANG BESAR MELANGKAH KE SEPARUH AKHIR



**PASUKAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berpesta gol 10 - 0 semasa menentang pasukan Kementerian Kesihatan pada Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian merebut Piala Keputeraan 2025.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Ahli Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 September. - Pasukan bola sepak Kementerian Kesihatan (MOH) terpaksa akur dengan kegagalan melangkah ke separuh akhir apabila tewas teruk kepada pasukan bola sepak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan jaringan 0 - 10 pada Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian merebut Piala Keputeraan 2025 di Padang dan Belapan, Berakas.

Kejayaan besar KHEDN bagai memberi amaran awal kepada pasukan bola sepak Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan (KKBS) yang akan berdepan sesama sendiri pada peringkat separuh akhir minggu depan.

Kehebatan pasukan KHEDN memang tidak disangkal oleh pemain-pemain MOH selepas menyaksikan gawang mereka lebih awal dibolosi pada minit ke-12 menerusi Awang Mohd. Amin Haji Sisa sebelum Awang Muhammad Hafis Haji Mahari meledakkan rembatan kencang pada minit ke-21, sementara Awang Muhammad Maududi Hilmi Kasmi pula menutup persaingan babak pertama dengan jaringan menarik pada minit ke-45 untuk kedudukan 3 - 0.

Sekalipun pasukan MOH yang berjaya bangkit pada babak kedua dengan mengatur serangan dari tepi namun barisan depan MOH kerap ketandusan idea untuk membolosi gawang KHEDN, sebaliknya Awang Md. Faiz Farhan Kamat dan Awang Md. Nur Al Hafiz Haji Hamidi menambah jaringan buat KHEDN.

KHEDN lebih bertenaga dengan penguasaan di bahagian tengah dan aksi pertahanan lawan yang longgar memberikan kesempatan terbaik buat Awang Hairul Azamain Shah Abdullah, Awang Mohd. Amin Haji Sisia, Awang Mohd. Alinur Rashimy Awang Haji Jefri dan Awang Maziri Maidin menyumbangkan jaringan besar buat KHEDN dengan catatan 10 - 0.

Sementara itu, pertemuan suku akhir di Kompleks Sukan Berakas juga menarik dengan kejayaan pasukan bola sepak KKBS menewaskan pasukan bola sepak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dengan jaringan 3 - 2.

Awang Mohd. Alielda Haji Metali menyumbang jaringan awal untuk pasukan KKBS pada minit ke-15 tetapi Awang Bahrin Tamit menyamakan kedudukan seminit selepas itu.

Awang Mohd. Alielda sekali lagi berjaya melebarkan jurang jaringan pada mini ke-30 namun Awang Nazirul Azmi Anuar meletakkan pasukan KHELN berkongsi jaringan 2 - 2 pada minit ke-45.

Penyokong KKBS berpesta selepas menyaksikan sentuhan menarik Awang Mohd. Hendra Azam Idiris yang berjaya mengegarkan gawang KHELN pada minit ke-56.

Keputusan kekal 3 - 2 berterusan sehingga ke wisel penamat sekali gus meletakkan pasukan KKBS berjaya melangkah ke separuh akhir.

# Piala Asia 2025 : Republik India sekat hajat awal Speedy Tigers ke pentas final

**KUALA LUMPUR**, 5 Sept. - Hajat Malaysia melangkah awal ke pentas final Kejohanan Hoki Piala Asia 2025 tidak kesampaian selepas tewas pada perlawanan kedua pusingan 'Super Four' di tangan tuan rumah, Republik India 1 - 4 di Bihar, hari ini.

Pada aksi berlangsung di Stadium Hoki Universiti Sukan Bihar itu, skuad Speedy Tigers terlebih dahulu di hadapan menerusi jaringan padang Muhammad Shafiq Hassan seawal minit kedua.

Bersambung suku kedua perlawanan, Republik India bangkit membolosi gawang Malaysia hasil jaringan pukulan sudut penalti Manpreet Singh pada minit ke-17, jaringan padang Sukhjeet Singh selang dua minit kemudian dan Shilanand Lakra pada minit ke-24.

Vivek Sagar Prasad mencetak nama selaku penjaring keempat pasukan Republik India pada minit ke-38 sekali gus mengesahkan kemenangan pasukan itu.

Kekalahan itu menyaksikan Malaysia kini berada di kedudukan kedua berkongsi tiga mata dengan Republik Rakyat China yang menghuni tangga ketiga, sementara India (empat mata) mengungguli di tempat pertama.

Malaysia perlu mencari kemenangan pada perlawanan terakhir pusingan Super Four menentang Korea Selatan pada Sabtu ini.

Mengikut format, dua pasukan terbaik di pusingan Super Four layak ke final kejohanan itu. - ©BERNAMA

# Wushu Dunia 2025 : Shin Peng hadiahkan emas qiangshu

**KUALA LUMPUR**, 5 Sept. - Atlet wushu lelaki negara, Si Shin Peng menghadiahkan pingat emas pertama buat Malaysia pada Kejohanan Dunia Ke-17 berlangsung di Brasilia, Brazil semalam.

Menurut kenyataan Persekutuan Wushu Malaysia, atlet yang beraksi dalam acara qiangshu itu mengungguli saingan selepas mengumpul 9.756 mata, mendahului 0.013 mata dengan pencabar terdekat dari Macau,Chi Hin Kuong di tempat kedua.

Gangsa pula menjadi milik Motoyoshi Arakidari Jepun dengan 9.740 mata.

Terdahulu, kem wushu negara meraih pingat perak acara nandao wanita menerusi Tan Cheong Min dan Lee Jia Rong menghadiahkan pingat gangsa acara gunshu wanita.

Kejohanan Wushu Dunia Ke-17 berlangsung selama lapan hari dan berakhir Ahad ini. - ©BERNAMA

# Tahukah Awda

**SEBAHAGIAN** fungsi air dalam badan ialah sebagai bahan utama cecair dalam sistem badan, sebagai jentera penggerak dan bahan penyejuk badan. Pengambilan air yang mencukupi dapat melembapkan kulit, mengelakkan rasa sakit kepala, mengelakkan sembelit, meningkatkan daya tumpuan dan mengurangkan risiko jangkitan pada saluran air kencing. Kekurangan 2 peratus air dari badan boleh menjejaskan prestasi minda dan fizikal. Minumlah 8-10 gelas air sehari.

**SUMBER :** *Kompilasi Risalah Kesihatan, Majlis Ilmu 2012*